(a) had harian sebanyak RM5,000 atau jumlah-jumlah lain seperti yang diberitahu oleh Bank dari masa ke semasa dan yang boleh dikurangkan oleh Pelanggan dengan memberikan arahan-arahan bertulis di kaunter kepada Bank;

(b) caj-caj yang dinyatakan buat masa tersebut di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my; dan

(c) Baki Sedia Ada di dalam akaun adalah mencukupi untuk meliputi kedua-dua jumlah yang dikeluarkan dan caj-caj.

(viii) Pelanggan bersetuju bahawa pengeluaran tunai diripada ATM di luar Malaysia akan didebitkan ke akaun Pelanggan selepas menukarkannya kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa Antarabangsa, pada tarikh penukaran di samping kos pertukaran matawang asing sebanyak 1% dan apa-apa fi transaksi yang dikenakan oleh Visa Antarabangsa.

(ix) Pelanggan mengakui bahawa baki kredit dan debit pada paparan video ATM atau slip nasihat mungkin masih menunggu pengesahan dan/atau kelulusan dan tidak boleh dianggap sebagai penyata mutlak untuk baki akaun.

(x) Pelanggan mengakui bahawa ATM dan kemudahan automatik lain sekarang adalah tidak dikonfigurasikan untuk kegunaan cetakan orang kurang upaya atau orang cacat penglihatan dan Pelanggan tersebut tidak akan menjadikan Bank bertanggungjawab untuk pengeluaran Kad kepada Pelanggan atas permintaan Pelanggan tersebut dan untuk semua tindakan, guaman, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, kos, kerosakan dan apa-apa perbelanjaan yang mungkin terjadi disebabkan kegunaan Kad di ATM atau kemudahan automatik lain.

## Penggunaan kad debit-i

18. Penggunaan kad debit-i

(i) Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa:

(a) pelanggan mestilah menandatangani kad debit-i sejurus selepas menerimanya daripada Bank;

(b) kad debit-i tidak boleh ditukarmilik dan hanya boleh digunakan oleh individu yang dikeluarkan kepadanya sahaja;

(c) kad debit-i hanya boleh digunakan dalam tempoh sah yang dinyatakan di atas kad;

(d) kad debit-i boleh dihubungkaitkan kepada akaun(-akaun) Pelanggan untuk transaksi ATM;

(e) Pelanggan boleh memilih untuk menamakan dan menghubungkan hanya satu akaun untuk kad debit-i dari mana pembayaran di terminal-terminal POS akan didebitkan;

(f) Pembelian-pembelian di terminal-terminal POS adalah tertakluk kepada had-had yang ditetapkan oleh Bank yang boleh dinaikkan atau diturunkan oleh Pelanggan sehingga kepada had yang ditentukan seperti yang ditentukan buat masa ini di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my dengan memberikan arahan-arahan bertulis di kaunter kepada Bank;

(g) Pelanggan tidak akan menggunakan kad debit-i bagi atau berhubungkait dengan apa-apa aktiviti atau tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuklah tanpa batasan perjudian online) dan yang boleh menyebabkan Bank menolak transaksi di terminal-terminal POS dan memberhentikan kad debit-i serta-merta, tanpa apa-apa liabiliti kepada Bank; dan



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun-i
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan
4. Akaun-akaun Bersama
5. Tandatangan Spesimen Penandatangan yang diberikuasa
6. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
7. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
8. Penggantungan/ Penutupan Akaun
9. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
10. Perakaman Pita
11. Dokumen Pengurusan
12. "Memahami Pelanggan Anda"
13. Pematuhan Cukai
14. Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat
15. Aduan-aduan Pelanggan
16. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
17. Penggunaan Kad
18. Penggunaan Kad Debit-i
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Syariah
41. Definisi-definisi

# Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Mei 2019)

## Penggunaan kad debit-i (bersambung)

(h) Pelanggan tidak akan memegang Bank bertanggungan, bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa-apa jua cara dengan sebab apa-apa kerugian, kerosakan, atau kecederaan yang terjadi atau jika kad debit-i tidak ditunaikan, disebabkan oleh apa-apa kecacatan mekanikal atau kepincangan fungsi mana-mana ATM, terminal-terminal POS, rangkaian internet atau terminal-terminal lain atau saluran-saluran yang disediakan atau disebabkan kehilangan atau gangguan bekalan kuasa.

(ii) Pelanggan bersetuju bahawa semua transaksi pada kad debit-i adalah tertakluk kepada:

(a) pengeluaran harian ATM dan had-had pembelian harian kad debit-i masing-masing;

(b) fi-fi seperti yang dinyatakan buat masa kini di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my; dan

(c) Baki Sedia Ada di dalam akaun yang dinamakan mencukupi untuk menampung jumlah yang akan dikeluarkan dari ATM, pembelian-pembelian di terminal-terminal POS dan fi-fi.

(iii) Pelanggan mengakui bahawa bagi pembayaran-pembayaran di terminal-terminal POS:

(a) Pelanggan mesti memasukkan PIN apabila diminta berbuat demikian untuk menyempurnakan pembelian, jika tidak urus niaga tersebut mungkin ditolak;

(b) Pelanggan mungkin tidak dikehendaki memasukkan PIN bagi urus niaga yang dilakukan di luar negara di mana tandatangan Pelanggan diperlukan;

(c) Pelanggan mungkin tidak dikehendaki menandatangani atau memasukkan PIN bagi urus niaga tanpa sentuhan yang dilakukan di dalam negeri untuk urus niaga di bawah RM250 atau jumlah lain yang ditetapkan oleh Visa dan/atau Bank;

(d) peniaga boleh menyemak bagi memastikan terdapat dana yang mencukupi di dalam akaun yang dinamakan dengan menghantar satu kebenaran permintaan kepada Bank;

(e) semasa kelulusan untuk beberapa transaksi, sebahagian baki akaun boleh disekat sehingga transaksi telah disempurnakan;

(f) bagi transaksi Dispenser Bahan Api Automatik ("AFD") untuk pembelian petrol, blok hendaklah diadakan untuk T + 3 hari bekerja dengan "T" adalah hari transaksi; dan

(g) bagi transaksi bukan AFD, blok hendaklah diadakan sehingga transaksi telah diselesaikan dan jumlah muktamad didebitkan daripada akaun;

(h) Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa tindakan atau peninggalan mana-mana institusi pedagang termasuk apa-apa keengganan untuk melunaskan kad debit-i, atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada Pelanggan oleh pedagang tersebut;

(i) Pelanggan hendaklah menyelesaikan segala aduan, tuntutan dan pertikaian terhadap pedagang-pedagang secara terus dan Pelanggan bersetuju untuk tidak melibatkan Bank dalam tuntutan-tuntutan, pertikaian-pertikaian atau prosiding-prosiding undang-undang tersebut; dan

(j) Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran yang diremit kepada pedagang walaupun apa-apa tuntutan dan/atau pertikaian yang Pelanggan mungkin ada terhadap pedagang.

(iv) Pelanggan bersetuju bahawa pengeluaran dan transaksi pembelian yang dijalankan dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia akan didebitkan ke dalam akaun selepas penukaran kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa Antarabangsa, pada tarikh penukaran di samping kos pertukaran matawang asing sebanyak 1% dan apa-apa fi transaksi yang dikenakan oleh Visa Antarabangsa.

(v) Pelanggan tidak boleh menggunakan atau cuba menggunakan kad debit-i kecuali mempunyai dana yang mencukupi di dalam akaun.

(vi) (a) Dalam keadaan di mana berlaku urus niaga tanpa kebenaran menggunakan kad yang memerlukan pengesahan PIN, Pelanggan tidak akan bertanggungjawab terhadap Urus Niaga Kad yang dipertikaikan melainkan Pelanggan terbukti telah:

(i) bertindak secara menipu;

(ii) berlengah untuk memberitahu Bank secepat yang mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad debit-i Pelanggan;

(iii) mendedahkan PIN Pelanggan kepada orang lain secara sukarela;

(iv) mencatatkan PIN pada kad debit-i Pelanggan, atau pada sesuatu yang disimpan berhampiran kad debit-i, yang mungkin hilang atau dicuri bersama kad debit-i.

(b) Dalam keadaan di mana berlaku urus niaga tanpa kebenaran menggunakan kad yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuhan, Pelanggan tidak akan bertanggungjawab terhadap Urus Niaga Kad yang dipertikaikan melainkan Pelanggan terbukti telah:

(i) bertindak secara menipu;

(ii) berlengah untuk memberitahu Bank secepat yang mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad debit-i pelanggan;



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

HSBC Amanah

Tajuk-tajuk Klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran kepada Klausa-klausa

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun-i
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan
4. Akaun-akaun Bersama
5. Tandatangan Spesimen Penandatangan yang diberikuasa
6. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
7. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
8. Penggantungan/ Penutupan Akaun
9. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
10. Perakaman Pita
11. Dokumen Pengurusan
12. "Memahami Pelanggan Anda"
13. Pematuhan Cukai
14. Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat
15. Aduan-aduan Pelanggan
16. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
17. Penggunaan Kad
18. Penggunaan Kad Debit-i
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Syariah
41. Definisi-definisi

# Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Mei 2019)

## Penggunaan kad debit-i (bersambung)

(iii) meninggalkan kad debit-i atau barang yang mengandungi kad debit-i tanpa dijaga, di tempat yang boleh dilihat atau dicapai oleh orang lain, kecuali di tempat kediaman Pelanggan. Bagaimanapun, Pelanggan dikehendaki menjaga kad debit-i dengan sewajarnya walaupun di tempat kediaman Pelanggan; atau

(iv) membenarkan orang lain menggunakan kad debit-i Pelanggan secara sukarela.

(c) Untuk memudahkan Bank di dalam siasatan ke atas apa-apa laporan tentang kehilangan atau kecurian kad debit-i, Bank akan memerlukan bantuan Pelanggan untuk melakukan yang berikut:

(i) walaupun Pelanggan mungkin telah membuat satu laporan lisan, Bank akan memerlukan Pelanggan untuk melengkapkan satu laporan bertulis, yang boleh meliputi melengkapkan satu senarai soalan;

(ii) untuk memberikan Bank satu salinan laporan polis yang difailkan berkenaan dengan kehilangan atau kecurian kad debit-i.

(vii) Pelanggan mengakui bahawa ATM, terminal-terminal POS dan kemudahan automatik lain sekarang adalah tidak dikonfigurasikan untuk kegunaan cetakan orang kurang upaya atau orang cacat penglihatan dan Pelanggan tersebut tidak akan menjadikan Bank bertanggungjawab untuk pengeluaran kad debit-i kepada Pelanggan atas permintaan Pelanggan tersebut dan untuk semua tindakan, guaman, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, kos, kerosakan dan apa-apa perbelanjaan yang mungkin terjadi disebabkan kegunaan kad debit-i di ATM, terminal-terminal POS atau kemudahan automatik lain.

## Deposit-deposit Cek & Tunai

19. (i) Pelanggan bersetuju untuk mengikut prosedur-prosedur yang dipriskribkan secara betul apabila menggunakan kemudahan-kemudahan automatik yang dibekalkan oleh Bank untuk deposit-deposit cek dan tunai. Pelanggan bersetuju bahawa kesemua cek-cek yang tidak dipalangkan hendaklah dipalangkan dengan menulis 2 garisan diagonal yang selari pada bahagian atas sudut kiri cek sebelum mendepositkannya dan Bank tidak hendaklah bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada kegagalannya untuk berbuat demikian.

(ii) Pelanggan mengakui bahawa kesemua deposit tunai (selain daripada melalui kemudahan-kemudahan deposit tunai automatik) mestilah diserahkan secara terus kepada juruwang Bank. Pelanggan bersetuju untuk tidak meninggalkan wang tunai tanpa jagaan sehingga juruwang Bank menerimanya secara fizikal dan juga bersetuju untuk:

- menghitung wang tunai yang diterima sebelum meninggalkan kaunter kerana Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kekurangan selepas wang tunai diserahkan kepada Pelanggan;
- menyemak semua nasihat-nasihat transaksi debit dan kredit dengan transaksi-transaksi kaunter;

dan Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada kegagalannya untuk berbuat demikian.

(iii) Setiap deposit yang dibuat melalui apa-apa cara jua, hendaklah dianggap sebagai dibuat selepas 2 orang pekerja Bank mengesahkannya, menjelaskannya dan memasukkannya ke dalam rekod-rekod Bank.

(iv) Pelanggan mengakui bahawa jumlah deposit yang ditunjukkan pada paparan video kemudahan-kemudahan automatik atau slip nasihat mungkin masih menunggu pengesahan dan/atau kelulusan dan tidak boleh dianggap sebagai penyata mutlak untuk baki akaun tersebut.

(v) Pelanggan juga mengakui bahawa cek dan deposit tunai yang di buat melalui kemudahan automatik yang disediakan oleh Bank akan diproses mengikut masa yang ditetapkan oleh Bank seperti yang tertera di paparan skrin kemudahan tersebut dan jika tidak tertera di skrin kemudahan tersebut, di lobi Express Perbankan Bank.

## Cek Matawang Asing

20. (i) Pelanggan mengakui bahawa:

- Bank mungkin tertakluk kepada undang-undang asing apabila mengutip cek-cek matawang asing bagi pihak Pelanggan daripada bank pembayar di luar Malaysia ("**pengutipan asing**"); dan
- undang-undang asing mungkin membenarkan bank pembayar untuk menuntut pembayaran balik daripada Bank dalam masa 6 tahun selepas cek ditunaikan.

(ii) Pelanggan bersetuju:

- bahawa Bank merizabkan haknya untuk mendebitkan akaun Pelanggan untuk pembayaran balik;
- bahawa Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan; dan
- untuk membayar gantirugi kepada Bank untuk kesemua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa sifat jua sahaja yang dihadapi, dialami atau dikeluarkan oleh Bank akibat daripada pengutipan asing. Gantirugi ini hendaklah berterusan walaupun mana-mana perkhidmatan ditamatkan dan/atau mana-mana akaun ditutupkan.

(iii) Pelanggan selanjutnya mengakui dan bersetuju:



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun-i
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan
4. Akaun-akaun Bersama
5. Tandatangan Spesimen Penandatangan yang diberikuasa
6. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
7. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
8. Penggantungan/ Penutupan Akaun
9. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
10. Perakaman Pita
11. Dokumen Pengurusan
12. "Memahami Pelanggan Anda"
13. Pematuhan Cukai
14. Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat
15. Aduan-aduan Pelanggan
16. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
17. Penggunaan Kad
18. Penggunaan Kad Debit-i
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Syariah
41. Definisi-definisi

# Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Mei 2019)

## Cek Matawang Asing (bersambung)

- bahawa Bank boleh mengikut budibicara mutlaknya menolak untuk menerima pengutipan atau pembelian apa-apa cek matawang asing, bil atau instrumen lain walaupun tidak mempunyai ketidakteraturan atau pengubahan atas cek matawang asing, bil atau instrumen lain tersebut atau bahawa pengubahan tersebut telah disahkan oleh tandatangan Pelanggan;
- bahawa Bank tidak mempunyai obligasi untuk memberi alasan-alasan bagi melaksanakan budibicaranya dalam menolak untuk menerima pengutipan atau pembelian apa-apa cek matawang asing, bil atau instrumen lain; dan
- bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

## Penghantaran Wang Masuk (Inward)

21. (i) Bank merizabkan haknya:
    - untuk mendebitkan akaun Pelanggan dengan jumlah yang bersamaan dengan jumlah yang dikreditkan lebih awal, apabila cek, instrumen, perintah atau arahan pembayaran yang relevan adalah kemudiannya dikembalikan tanpa bayaran atau tidak boleh diserahkan atau ditunaikan akibat daripada kehilangan atau kerosakan atau salah-letak dalam proses penyerahan atau, jika jumlah telah salah dikreditkan pada permulaannya, dan Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan;
    - untuk meminda nasihat, slip-bayaran-masuk kerana kesilapan, penambahan yang salah, peninggalan item, atau pengutipan cek pembayaran pihak ketiga yang salah;
    - untuk menghentikan apa-apa penghantaran wang masuk (inward) yang memihak kepada Pelanggan jika maklumat mengenai penghantar yang diterima oleh Bank adalah tidak lengkap atau jika pemula tidak memberikan Bank dengan tujuan pengiriman wang dan Bank tidak harus bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk apa-apa kelengahan atau penolakan penghantaran wang masuk (inward);
    - untuk membatalkan apa-apa pembayaran yang diterima melalui MEPS Interbank GIRO daripada seorang residen atau akaun eksternal untuk kredit ke akaun eksternal Pelanggan dengan Bank, jika pemula tidak memberikan Bank dengan tujuan pembayaran, atau jika jumlah tersebut melebihi RM10,000 sehari dan/atau jika ianya adalah berasal daripada sumber yang tidak dibenarkan di bawah Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (Foreign Exchange Administration regulations).

    (ii) Pelanggan bersetuju:
    - bahawa Bank tidak akan bertanggunjawab kepada Pelanggan bagi apa-apa kerugian, kesilapan, ketinggalan atau kelewatan oleh bank koresponden, penjelasan atau perantara yang mungkin akan berlaku dalam pemindahan atau penghantaran wang masuk ke dalam akaun Bank Pelanggan; dan
    - bahawa Bank hanya boleh mengkredit dana ke dalam akaun Pelanggan selepas menerima dana daripada bank koresponden, penjelasan atau perantara.

## Penghantaran Wang Ke Luar

22. (i) Pelanggan mengakui bahawa:
    - kesemua permohonan untuk penghantaran wang ke luar (contohnya pemindahan telegrafik, deraf-deraf permintaan (demand drafts), cashier's orders, RENTAS, Interbank GIRO) adalah tertakluk kepada waktu batas harian Bank;
    - permohonan untuk nilai hari yang sama adalah juga tertakluk kepada waktu-waktu batas berdasarkan lokasi geografi penerima;
    - permohonan untuk penghantaran wang ke luar yang diterima selepas waktu batas yang relevan hanya akan diproses pada hari perbankan yang seterusnya; dan
    - bagi penghantaran wang yang bergantung kepada institusi-institusi lain, Bank akan memproseskan permohonan menurut waktu batas harian Bank dan menghantar yang sama kepada institusi yang lain untuk pemprosesan mereka dan Bank tidak harus bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk apa-apa kelengahan dan/atau kesilapan di dalam pemprosesan oleh institusi lain.

    (ii) Pelanggan bersetuju bahawa:
    - permohonan untuk pemindahan-pemindahan telegrafik atau deraf-deraf permintaan akan dilaksanakan oleh Bank di dalam matawang yang dibayar oleh Pelanggan kepada Bank, kecuali Pelanggan secara spesifiknya memberikan kepada Bank arahan bertulis yang berlainan;
    - di mana terpakai, jika Bank tidak berupaya untuk memberikan satu penyata-harga yang kukuh untuk kadar penukaran, Bank hendaklah melaksanakan penghantaran wang ke luar berdasarkan satu kadar sementara dan apabila kadar sebenar diketahui, apa-apa perbezaan di antara kadar sementara dan kadar sebenar hendaklah didebitkan atau dikreditkan ke dalam akan Pelanggan yang relevan; dan
    - kesemua caj untuk penghantaran wang hendaklah didebitkan ke dalam akaun Pelanggan yang relevan.

    (iii) Bank merizabkan haknya untuk mengeluarkan wang untuk pemindahan telegrafik atau deraf permintaan dari tempat yang lain selain daripada yang dinyatakan secara spesifik oleh Pelanggan jika keadaan operasi Bank memperuntukkannya.

    (iv) Bank mempunyai budibicara untuk menghantar pemindahan telegrafik secara harafiah atau dalam kod (in cipher). Pelanggan mengakui bahawa pemindahan-pemindahan telegrafik (termasuk deraf-deraf permintaan jika dihantar bagi pihak Pelanggan di atas permintaan Pelanggan), adalah dihantar pada risiko tunggal Pelanggan.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun-i
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan
4. Akaun-akaun Bersama
5. Tandatangan Spesimen Penandatangan yang diberikuasa
6. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
7. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
8. Penggantungan/ Penutupan Akaun
9. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
10. Perakaman Pita
11. Dokumen Pengurusan
12. "Memahami Pelanggan Anda"
13. Pematuhan Cukai
14. Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat
15. Aduan-aduan Pelanggan
16. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
17. Penggunaan Kad
18. Penggunaan Kad Debit-i
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Syariah
41. Definisi-definisi

# Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Mei 2019)

## Penghantaran Wang Ke Luar (bersambung)

(v) Pelanggan mengakui bahawa pemindahan dana-dana daripada akaun kad kredit ke mana-mana akaun pihak ketiga melalui Interbank GIRO adalah dianggap sebagai pendahuluan tunai dan Perjanjian Pemegang Kad yang relevan adalah terpakai.

(vi) Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak harus bertanggungjawab kepada Pelanggan:

- untuk segala kerugian atau kelengahan yang mungkin berlaku semasa pemindahan, penghantaran dan/ atau penggunaan dana; atau
- di dalam kejadian pemindahan-pemindahan telegrafik (sepertimana yang diarahkan oleh Pelanggan atau dianggap adalah perlu oleh Bank), apa-apa kesilapan, peninggalan atau kecacatan yang akan berlaku semasa penghantaran mesej (secara harafiah atau dalam kod) atau kesalahan penafsiran oleh pihak penerima apabila menerimanya;

dan Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap kesemua tindakan-tindakan, prosiding-prosiding undang-undang, tuntutan-tuntutan dan/atau permintaan-permintaan yang mungkin tertimbul berkaitan dengan kerugian, kelengahan, kesilapan, peninggalan, kecacatan dan/atau kesalahan penafsiran tersebut.

(vii) Pelanggan mengakui bahawa pengkreditan pemindahan dana melalui Interbank GIRO hendaklah dikenalpasti berdasarkan nombor akaun yang diberikan. Pelanggan juga boleh memberikan pengenalpastian tambahan untuk melaksanakan pengkreditan dan hendaklah terhad kepada bidang pengenalpastian yang diterima dalam format perbankan Interbank GIRO

## Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/Penghantaran Wang

23. (i) Bank merizabkan haknya untuk melaksanakan arahan Pelanggan untuk membayar atau menghantar wang dengan apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Bank walaupun terdapat arahan spesifik daripada Pelanggan. Pelanggan mengakui bahawa apa-apa permintaan untuk membatalkan satu arahan untuk pembayaran atau penghantaran wang mestilah dibuat secara bertulis dan Bank mempunyai budibicara samada untuk membatalkannya atau tidak tertakluk kepada hak Bank untuk mendebitkan akaun Pelanggan bagi semua caj yang dikenakan dan kerugian ke atas tukaran wang asing akibat pembatalan.

(ii) Jika arahan pembayaran atau penghantaran wang Pelanggan perlu dilaksanakan melalui satu sistem pembayaran atau penjelasan yang dioperasikan oleh pihak ketiga, Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh menggunakan mana-mana koresponden, agen, sub-agen, agensi atau institusi-institusi kewangan lain (dirujuk secara kolektif sebagai "**Pihak Perantara**"), dan Pelanggan memberi persetujuannya kepada Bank untuk mendedahkan kesemua maklumat yang perlu kepada mereka. Pelanggan mengakui bahawa pembayaran atau penghantaran wang tersebut selepas menolak apa-apa caj yang terpakai, hendaklah dikreditkan ke akaun benefisiari berdasarkan secara tunggal kepada nombor akaun yang diberikan oleh Pelanggan.

(iii) Pelanggan bersetuju bahawa Bank atau Pihak Perantara yang relevan tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kegagalan, kelengahan, kesilapan, peninggalan, gangguan, kesalahan penafsiran atau hasil-hasil (outcome) yang lain akibat daripada arahan pembayaran atau penghantaran wang dihantar atau diterima melalui apa-apa saluran komunikasi.

(iv) Pelanggan bersetuju kepada pendedahan nama dan nombor akaun Pelanggan oleh Bank di dalam butir-butir transaksi yang dihantar kepada institusi-institusi kewangan penerima dan/atau pembayar.

## Melaksanakan Arahan Tetap/Berkala (Periodic)

24. (i) Pelanggan bersetuju untuk memberitahu Bank secara bertulis atau melalui saluran-saluran yang dibekalkan oleh Bank, apa-apa pengubahan atau pindaan kepada:

- jumlah-jumlah pembayaran atau had pembayaran;
- cara pembayaran; dan/atau
- tempoh masa berkala untuk bayaran;

untuk arahan-arahan tetap atau bayaran berkala dan tertakluk kepada Klausa 27 di bawah, Pelanggan mengakui bahawa pengubahan-pengubahan atau pindaan-pindaan tersebut hendaklah berkuatkuasa 1 minggu dari penerimaan notis tersebut oleh Bank.

(ii) Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai budibicara untuk menamatkan arahan-arahan tetap atau bayaran berkala untuk bayaran-bayaran masa hadapan pada bila-bila masa, melalui notis bertulis kepada Pelanggan atau selepas menerima pengesahan bertulis daripada penerima bayaran yang dinamakan di dalam arahan-arahan tetap atau bayaran berkala bahawa tiada bayaran selanjutnya diperlukan.

(iii) Pelanggan mengakui bahawa arahan-arahan tetap atau bayaran berkala akan dilaksanakan atas syarat bahawa terdapat dana-dana yang mencukupi di dalam akaun dan Bank tidak harus bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk segala bayaran yang tidak dibuat kerana ketidak-cukupan dana-dana.

(iv) Jika arahan-arahan tetap atau bayaran berkala diberikan untuk satu pembayaran terhad, Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak mempunyai tanggungjawab untuk mengesahkan ketepatan jumlah-jumlah yang dikenakan oleh penerima bayaran, dan apa-apa pertikaian ke atas jumlah-jumlah hendaklah diselesaikan oleh Pelanggan secara terus dengan penerima bayaran.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun-i
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan
4. Akaun-akaun Bersama
5. Tandatangan Spesimen Penandatangan yang diberikuasa
6. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
7. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
8. Penggantungan/ Penutupan Akaun
9. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
10. Perakaman Pita
11. Dokumen Pengurusan
12. "Memahami Pelanggan Anda"
13. Pematuhan Cukai
14. Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat
15. Aduan-aduan Pelanggan
16. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
17. Penggunaan Kad
18. Penggunaan Kad Debit-i
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Syariah
41. Definisi-definisi

# Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Mei 2019)

## Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik

25. Di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik:

"**Bayaran Automatik**" bermakna sejumlah bayaran-bayaran yang menggunakan sistem yang berdasarkan angka.

"**Bayaran Masuk Automatik**" bermakna bayaran-bayaran kepada Pelanggan menggunakan Bayaran Automatik.

"**Bayaran Keluar Automatik**" bermakna bayaran-bayaran oleh Pelanggan yang menggunakan Bayaran Automatik.

"**Perkhidmatan Bayaran Automatik**" bermakna samada Bayaran Masuk Automatik atau Bayaran Keluar Automatik.

(i) Pelanggan mengakui bahawa Perkhidmatan Bayaran Automatik adalah bergantung kepada sistem yang berdasarkan angka dan maka Bank tidak mempunyai obligasi untuk memastikan bahawa akaun/nama-nama penerima bayaran yang diberikan oleh Pelanggan adalah sama atau berdekatan dengan nama-nama akaun di dalam rekod-rekod Bank, dan bersetuju bahawa pemindahan kepada atau daripada satu akaun yang mempunyai nombor yang sama seperti yang yang diberikan oleh Pelanggan adalah betul dan secara sepenuhnya melepaskan Bank daripada arahan Pelanggan.

(ii) Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk mendebitkan akaun Pelanggan dengan caj-caj untuk Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik seperti yang dinyatakan buat masa kini di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my.

(iii) Pelanggan mengakui bahawa:

- jika tarikh matang untuk satu bayaran terletak pada hari cuti, kemasukan-kemasukan akan diluluskan pada hari perbankan sebelum hari cuti;
- jika dana di dalam akaun Pelanggan tidak mencukupi dalam apa jua keadaan di bawah perkhidmatan Autopay Out, ini akan menyebabkan arahan Pelanggan dibatalkan secara automatik;
- Perkhidmatan Bayaran Automatik boleh ditamatkan oleh Bank pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis pendahuluan selama 7 hari kepada Pelanggan.

(iv) Pelanggan mengakui bahawa Bank adalah tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kelengahan yang mungkin berlaku semasa pemindahan, penghantaran, kemasukan dan/atau penggunaan dana-dana dan Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan atau liabiliti yang mungkin timbul daripada kerugian atau kelengahan tersebut.

(v) Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mana Bank mungkin mengalami akibat daripada melaksanakan arahan-arahan Pelanggan di bawah Perkhidmatan Bayaran Automatik.

## Kedahuluan Bayaran

26. Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai budibicara penuh untuk menentukan secara mutlaknya susunan kedahuluan bayaran dari dana-dana Pelanggan, untuk cek-cek yang dikeluarkan dari akaun Pelanggan atau apa-apa arahan tetap atau bayaran daripada Pelanggan.

## Arahan-arahan Pelanggan

27. Pelanggan mengakui bahawa arahan-arahan Pelanggan boleh dilaksanakan walaupun:

(a) mereka adalah bertentangan dengan atau tidak konsisten dengan arahan-arahan atau mandat-mandat lain yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank; dan/atau

(b) akaun yang pada masa kini di dalam kredit atau melebihi had, boleh menjadi atau terus menjadi melebihi had sebagai akibatnya.

Di dalam mana-mana kejadian yang disebutkan di atas, Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk pendahuluan wang yang diakibat daripada itu atau kemudahan-kemudahan kredit yang diwujudkan tertakluk kepada faedah pada kadar yang ditentukan oleh Bank, dan Klausa 2 di atas adalah terpakai. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa terdapat dana-dana yang mencukupi di dalam akaun Pelanggan atau membuat penyusunan awal untuk kemudahan-kemudahan kredit untuk memenuhi kesemua arahan bayaran.

Kesemua arahan oleh Pelanggan hendaklah terus berkuatkuasa untuk perlindungan Bank untuk bayaran-bayaran yang dibuat atau arahan-arahan yang dilaksanakan dengan suci hati meskipun terdapat kematian, kebankrapan atau penggulungan syarikat atau pembatalan mana-mana arahan tersebut melalui apa-apa cara oleh Pelanggan, sehingga notis bertulis bersama dengan dokumen-dokumen yang membuktikan kematian, kebankrapan atau penggulungan syarikat atau pembatalan tersebut diterima oleh Bank.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

HSBC Amanah

Tajuk-tajuk Klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran kepada Klausa-klausa

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun-i
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan
4. Akaun-akaun Bersama
5. Tandatangan Spesimen Penandatangan yang diberikuasa
6. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
7. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
8. Penggantungan/ Penutupan Akaun
9. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
10. Perakaman Pita
11. Dokumen Pengurusan
12. "Memahami Pelanggan Anda"
13. Pematuhan Cukai
14. Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat
15. Aduan-aduan Pelanggan
16. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
17. Penggunaan Kad
18. Penggunaan Kad Debit-i
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Syariah
41. Definisi-definisi

# Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Mei 2019)

## Di Luar Kawalan Bank

28. Pelanggan tidak harus membuat Bank bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh Pelanggan secara terus atau tidak terus berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan, akibat daripada apa-apa alasan termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan atau ketidak-fungsian komputer, talian-talian sambungan terminal-terminalnya, sistem-sistem pemprosesan data-data atau talian-talian penghantaran atau mana-mana equipmen samada ianya merupakan hakmilik Bank, disebabkan oleh percubaan atau tindakan keganasan sebenar, perebakan wabak, tindakan-tindakan Tuhan atau apa-apa keadaan yang di luar kawalan Bank.

## Telekomunikasi

29. (i) Tertakluk kepada Klausa 31:

(a) atas permintaan Pelanggan, Bank adalah diberikuasa untuk melepaskan maklumat berkenaan dengan akaun Pelanggan, kadar-kadar pertukaran atau kadar-kadar faedah (tertakluk kepada pindaan) pada budibicaranya melalui telefon atau telex. Maklumat atau kadar-kadar yang diberikan melalui telefon tidak harus terikat ke atas Bank kecuali ianya selanjutnya disahkan oleh Bank secara bertulis;

(b) Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk menghantar apa-apa maklumat akaun, maklumat-maklumat kemaskini dan peringatan-peringatan berkenaan dengan akaun Pelanggan melalui perkhidmatan sistem mesej pendek ("**SMS**") atau perkhidmatan mesej multimedia ("**MMS**") ke nombor telefon bimbit Pelanggan menurut Klausa 3, termasuk baki terhutang, baki yang masih sedia ada, had overdraf (jika ada) dan maklumat-maklumat kini yang lain yang mana akan dibekalkan oleh Bank dari masa ke semasa.

(ii) Bank adalah diberikuasa untuk bergantung kepada dan bertindak ke atas arahan-arahan yang diterima oleh Bank daripada Pelanggan melalui telefon, telefon bimbit (termasuk SMS dan MMS yang dihantar daripada nombor telefon bimbit Pelanggan menurut Klausa 3), medium elektronik (iaitu komunikasi online termasuk tetapi tidak terhad kepada arahan yang diterima melalui aplikasi perbankan mudah alih) telex (tidak termasuk arahan yang diterima untuk akaun Kad Kredit-i) atau cara-cara telekomunikasi lain (dirujuk secara kolektif sebagai "Arahan-arahan Telekomunikasi") dan Pelanggan bersetuju bahawa Bank adalah diberikuasa untuk menganggap mana-mana Arahan Telekomunikasi di dalam budibicara mutlak Bank adalah dipercayai datang dari Pelanggan (selepas mengambil langkah munasabah untuk mengesahkan identiti orang yang memberikannya atau sumber Arahan Telekomunikasi) sebagai diberikuasa penuh oleh Pelanggan dan bergantung dan bertindak ke atasnya, dan Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan jika Arahan Telekominkasi tersebut bukanlah sebenarnya datang dari Pelanggan.

(ii) Meskipun apa yang dinyatakan di dalam Klausa ini, Bank adalah tidak berobligasi untuk menerima dan bertindak ke atas Arahan-arahan Telekomunikasi berkenaan:

- penukaran mandat akaun;
- penukaran penandatangan-penandatangan yang diberikuasa;
- pemberian Surat Kuasa kepada orang atau entiti yang lain;
- arahan-arahan bayaran;
- penutupan akaun dan pemindahan baki yang sedia ada.

(iii) Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa sifat jua yang mana akan ditanggung, dialami atau dikeluarkan oleh Bank akibat daripada bertindak ke atas Arahan-arahan Telekomunikasi dalam niat baik, dan Bank adalah diberikuasa untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan jumlah-jumlah tersebut dan Klausa 2 di atas hendaklah terpakai. Gantirugi ini hendaklah berterusan walaupun pembatalan apa-apa kuasa, penamatan apa-apa perkhidmatan dan/atau penutupan apa-apa akaun.

(iv) Bank boleh di dalam budibicaranya, memperkenalkan langkah-langkah keselamatan selanjutnya untuk memastikan, sejauh mana yang mungkin, bahawa Arahan-arahan Telekomunikasi telah diberikuasa oleh Pelanggan.

(v) Pelanggan boleh membatalkan kuasa di dalam Klausa 30(i)(a) atau (b)(ii) and/or Klausa 30 (ii) melalui notis bertulis yang ditandatangani menurut mandat akaun dan memberikannya kepada cawangan akaun.

## Gantirugi Daripada Pelanggan

30. Pelanggan hendaklah melepaskan Bank daripada kesemua liabilitinya dan membayar gantirugi kepada Bank untuk kesemua kerugian, kerosakan, fi, kos, caj, cukai, duti, levi dan perbelanjaan (termasuk kos guaman) yang mana Bank akan menanggung atau membelanjakan dan yang mana telah timbul samada secara terus atau tidak terus berkenaan dengan keadaan-keadaan yang dinyatakan di bawah, dan Bank adalah diberikuasa untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan jumlah-jumlah tersebut dan Klausa 2 di atas hendaklah terpakai:

(a) pengekalan, penggunaan atau penggunaan yang dikatakan perkhidmatan-perkhidmatan, produk-produk atau kemudahan-kemudahan Bank dan/atau Kad, PIN atau kata laluan oleh Pelanggan atau mana-mana orang lain (Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk kesemua transaksi-transaksi yang dilakukan sehingga PIN dibatalkan oleh Bank);



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun-i
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan
4. Akaun-akaun Bersama
5. Tandatangan Spesimen Penandatangan yang diberikuasa
6. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
7. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
8. Penggantungan/ Penutupan Akaun
9. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
10. Perakaman Pita
11. Dokumen Pengurusan
12. "Memahami Pelanggan Anda"
13. Pematuhan Cukai
14. Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat
15. Aduan-aduan Pelanggan
16. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
17. Penggunaan Kad
18. Penggunaan Kad Debit-i
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Syariah
41. Definisi-definisi

# Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Mei 2019)

## Gantirugi Daripada Pelanggan (bersambung)

(b) pemecahan atau ketidak-patuhan Pelanggan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat Generik ini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, mana-mana dokumen-dokumen berkenaan akaun atau mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai;

(c) tindakan kecuaian atau peninggalan Pelanggan;

(d) Bank menerima arahan-arahan daripada Pelanggan atau yang mana Bank percaya dengan suci hati adalah datang daripada Pelanggan (samada diberikuasa atau tidak) dan bertindak atau gagal untuk bertindak ke atasnya, kecuali akibat daripada kecuaian atau frod Bank;

(e) perlaksanaan hak-hak Bank di bawah Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai atau mana-mana dokumen-dokumen berkenaan akaun;

(f) apa-apa kelengahan di dalam bayaran atau debit atau kredit ke dalam akaun Pelanggan akibat daripada Klausa 8 dan/atau Klausa 9(i) di atas.

Gantirugi ini hendaklah berterusan meskipun penamatan apa-apa perkhidmatan dan/atau penutupan mana-mana akaun.

## Perbelanjaan Undang-undang

31. Pelanggan bersetuju bahawa:

(a) kesemua perbelanjaan undang-undang yang dikeluarkan oleh Bank untuk pemulihan apa-apa jumlah-jumlah daripada Pelanggan di bawah mana-mana kemudahan kredit atau akaun hendaklah ditanggung oleh Pelanggan; dan

(b) jumlah penghakiman hendaklah dikenakan faedah pada kadar faedah yang pada masa kini terpakai ke atas kemudahan-kemudahan kredit atau akaun dari tarikh penghakiman sehingga tarikh pembayaran penuh.

## Konflik & Peraturan Kedahuluan

32. Jika terdapatnya apa-apa inkonsistensi di antara Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai dan mana-mana dokumen-dokumen berkenaan dengan akaun/ Perkhidmatan, terma-terma dan syarat-syarat hendaklah diberi keutamaan (prevail) di dalam aturan seperti berikut: *(Sila rujuk kepada Fasal 42 untuk definisi "Perkhidmatan"*

(a) Fasal 8, 9, 10, 14 dan 42 Terma-terma & Syarat-syarat Generik ini;

(b) dokumen-dokumen berkenaan dengan akaun;

(c) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai; dan

(d) akhirnya, semua fasal lain Terma-terma & Syarat-syarat Generik ini yang tidak dinyatakan dalam perenggan (a) di atas.

## Notis-notis

33. Apa-apa penyata, notis, komunikasi atau tuntutan yang mana cara penghantaran bukanlah seperti yang dinyatakan secara spesifik di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai atau Terma Piagam pelanggan (yang sedia ada di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my):

(a) adalah diperuntukkan secara bertulis, boleh diberikan oleh Bank kepada Pelanggan:

(1) di alamat Pelanggan atau, alamat email e-mel atau nombor faks telefon bimbit Pelanggan menurut Klausa 3 dan Klausa 4(i) di atas melalui:

(i) penghantaran kediri dan hendaklah dianggap sebagai diterima pada masa penghantaran;

(ii) pengeposan biasa/berdaftar (sama ada AR atau bukan AR berdaftar) atau kurier dan hendaklah dianggap sebagai diterima pada hari ketiga selepas pengeposan atau pada hari ketiga selepas dihantar kepada pembekal perkhidmatan kurier, mengikut mana-mana yang berkenaan, walaupun ia mungkin akan dikembalikan kerana tidak dapat dihantar, atau Bank tidak menerima kad AR yang ditandatangani atau pengakuan penerimaan Pelanggan;

(iii) e-mel dan mesej elektronik hendaklah dianggap sebagai diterima pada masa penghantaran; atau

(2) penampalan di laman web Bank, dan hendaklah dianggap sebagai diterima serta merta selepas penampalan tersebut dibuat oleh Bank.

(b) hendaklah diberikan oleh Pelanggan kepada Bank secara bertulis melalui:

- penghantaran; atau
- pengeposan;

ke cawangan akaun, dan hendaklah diterima pada tarikh ianya sebenarnya diterima oleh Bank.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun-i
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan
4. Akaun-akaun Bersama
5. Tandatangan Spesimen Penandatangan yang diberikuasa
6. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
7. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
8. Penggantungan/ Penutupan Akaun
9. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
10. Perakaman Pita
11. Dokumen Pengurusan
12. "Memahami Pelanggan Anda"
13. Pematuhan Cukai
14. Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat
15. Aduan-aduan Pelanggan
16. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
17. Penggunaan Kad
18. Penggunaan Kad Debit-i
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
- jika ini menyebabkan akaun(-akaun) Pelanggan melebihi had, satu caj perkhidmatan minima yang tetap yang tidak dikompaunkan akan kena dibayar atas tuntutan.

* **Nota: Produk deposit adalah layak dilindungi oleh PIDM seperti yang dinyatakan di bawah. Had liputan maksimum adalah RM250,000 bagi setiap pendeposit setiap bank seperti yang ditetapkan di bawah garis panduan PIDM yang terdapat di www.pidm.gov.my.**



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

**Akaun-akaun**

1. Akaun-i Amanah Simpanan Buku-Simpanan
2. Akaun-i Amanah Penyata Simpanan
3. Akaun-i Amanah Simpanan Asas
4. Akaun-i Amanah Semasa dan Amanah Semasa Asas
5. Deposit Bertempoh-i

**Akaun-i Matawang Asing (FCY)**

6. Akaun-i Matawang Asing
7. FCY Deposit Bertempoh-i

# Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik (Mei 2019)

*untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi*

Terma-terma & Syarat-syarat berikut (tidak terpakai kepada kad kredit-i) hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma & Syarat-syarat Generik.

* **Nota: Produk deposit adalah layak dilindungi oleh PIDM seperti yang dinyatakan di bawah. Had liputan maksimum adalah RM250,000 bagi setiap pendeposit setiap bank seperti yang ditetapkan di bawah garis panduan PIDM yang terdapat di www.pidm.gov.my.**

## 1. Akaun-i Amanah Simpanan Buku-Simpanan

*[Nota: Produk ini telah diberhentikan. Terma-terma di sini terpakai kepada pemegang akaun yang sedia ada sahaja]*

*[Akaun-i Amanah Simpanan Buku-Simpanan: Layak dilindungi oleh PIDM*]*

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberikan kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan atau transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit kepada Pelanggan atas permintaan.

b. Kesemua terma dan syarat yang dinyatakan di dalam buku-buku simpanan tersebut akan menjadi sebahagian daripada Terma-terma dan Syarat- syarat Spesifik ini.

c. Satu deposit permulaan minima yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan.

d. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

e. Pelanggan akan diberikan satu buku akaun yang mesti dikemukakan untuk pengeluaran di kaunter dan Pelanggan mesti menyemak bahawa kemasukan yang betul telah direkodkan dalam buku akaun tersebut sebelum meninggalkan kaunter.

   Pelanggan tidak boleh membuat apa-apa kemasukan dalam buku akaun dan hendaklah mengemukakan buku akaun tersebut kepada Bank bila diperlukan oleh Bank untuk mengemaskini apa-apa kemasukan yang tidak diposkan.

   Pelanggan bersetuju untuk menyemak buku akaun tersebut untuk memastikan bahawa setiap transaksi telah direkodkan dengan sempurna di dalam buku akaun tersebut.

f. Buku akaun tersebut:
   - adalah untuk rujukan Pelanggan sahaja;
   - tidak semestinya menunjukkan baki yang sebenar dalam akaun tersebut kerana transaksi-transaksi mungkin telah dibuat tanpa kemasukan dalam buku akaun tersebut;
   - tidak boleh dipindah atau diserahhak; dan
   - tidak boleh disandar sebagai cagaran.

g. Pelanggan bersetuju bahawa ia adalah tanggungjawab Pelanggan untuk menyimpan buku simpanan dengan selamat dan di bawah kawalan mutlaknya pada setiap masa, dan jika Pelanggan gagal untuk berbuat demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

   Jika buku simpanan tersebut hilang, Pelanggan mesti:
   - memaklumkan Bank dengan serta merta; dan
   - memberikan Bank satu surat indemniti yang telah ditandatangani dalam format yang diperuntukkan oleh Bank (duti setem akan ditanggung oleh Pelanggan);

   sebelum satu buku simpanan baru diisu dan Pelanggan bersetuju bahawa satu fi untuk pengisuan buku akaun yang baru seperti yang dinyatakan di Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di www.hsbcamanah.com.my akan dikenakan.

h. Pelanggan bersetuju bahawa fi dan caj yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di www.hsbcamanah.com.my akan dikenakan.

i. Penyata akaun dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik ("Penyata-E") akan diisukan kepada Pelanggan atas dasar setiap suku tahun. Penyata-E ini mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank atau menerusi Perbankan Internet Peribadi ("PIB") jika pelanggan merupakan pengguna berdaftar.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

**Akaun-akaun**

1. Akaun-i Amanah Simpanan Buku-Simpanan
2. Akaun-i Amanah Penyata Simpanan
3. Akaun-i Amanah Simpanan Asas
4. Akaun-i Amanah Semasa dan Amanah Semasa Asas
5. Deposit Bertempoh-i

**Akaun-i Matawang Asing (FCY)**

6. Akaun-i Matawang Asing
7. FCY Deposit Bertempoh-i

# Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik (Mei 2019)

*untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi*

## 2. Akaun-i Amanah Penyata Simpanan

*[Nota: Produk ini telah diberhentikan. Terma-terma di sini terpakai kepada pemegang akaun yang sedia ada sahaja]*

*[Akaun-i Amanah Penyata Simpanan: Layak dilindungi oleh PIDM*]*

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberikan kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan atau transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit kepada Pelanggan atas permintaan.

b. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan.

c. Penyata akaun dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik ("Penyata-E") akan diisukan kepada Pelanggan atas dasar setiap suku tahun. Penyata-E ini mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank atau menerusi Perbankan Internet Peribadi ("PIB") jika Pelanggan merupakan pengguna berdaftar.

d. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

e. Pelanggan bersetuju bahawa fi dan caj yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di www.hsbcamanah.com.my akan dikenakan.

## 3. Akaun-i Amanah Simpanan Asas

*[Akaun-i Amanah Simpanan Asas: Layak dilindungi oleh PIDM*]*

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberikan kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan atau transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit kepada Pelanggan atas permintaan.

b. Penyata akaun akan dijana tetapi tidak akan dihantar kepada Pelanggan-pelanggan. Walaubagaimanapun, atas permintaan, penyata setiap suku tahun atau pada selang masa yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa, akan disediakan untuk Pelanggan pada satu fi yang akan ditetapkan oleh Bank atau dihantar kepada Pelanggan dalam bentuk elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank menerusi Perbankan Internet Peribadi ("PIB") jika Pelanggan merupakan pengguna berdaftar.

c. Satu amaun minima sebanyak RM20 (atau amaun minima lain yang akan dinyatakan oleh Bank dan/atau pihak-pihak berkuasa berperaturan yang relevan) adalah dikehendaki untuk mengendalikan akaun tersebut pada semua masa.

d. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

e. Pelanggan bersetuju bahawa fi dan caj yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj-caj Bank yag boleh dilihat di www.hsbcamanah.com.my akan dikenakan.

## 4. Akaun-i Amanah Semasa dan Amanah Semasa Asas

*[Akaun-i Amanah Simpanan Asas: Layak dilindungi oleh PIDM*]*

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberikan kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan atau transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit kepada Pelanggan atas permintaan.

b. Pelanggan mengesahkan bahawa Pelanggan tidak pernah dilaporkan oleh mana-mana bank ke biro kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, dan mengakui bahawa Bank mempunyai hak untuk menutup akaun tersebut jika Pelanggan dilaporkan tersebut.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

**Akaun-akaun**

1. Akaun-i Amanah Simpanan Buku-Simpanan
2. Akaun-i Amanah Penyata Simpanan
3. Akaun-i Amanah Simpanan Asas
4. Akaun-i Amanah Semasa dan Amanah Semasa Asas
5. Deposit Bertempoh-i

**Akaun-i Matawang Asing (FCY)**

6. Akaun-i Matawang Asing
7. FCY Deposit Bertempoh-i

# Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik (Mei 2019)

*untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi*

## 4. Akaun-i Amanah Semasa dan Amanah Semasa Asas (bersambung)

c. Pelanggan bersetuju untuk menyemak atas penerimaan, bahawa:
- Pelanggan telah menerima jumlah buku-buku cek yang betul;
- setiap buku cek mempunyai jumlah mukasurat-mukasurat cek yang betul;
- butir-butir akaun yang dicetak adalah betul; dan
- akan membaca dan menjalankan semua arahan yang dicetak di sebelah dalam kulit buku cek tersebut;
- dan jika Pelanggan gagal untuk melakukan mana-mana perkara ini, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

d. Pelanggan bersetuju bahawa adalah tanggungjawab Pelanggan untuk memastikan buku cek tersebut disimpan dengan selamat (sebaik-baiknya dikunci) dan di bawah kawalan mutlaknya pada semua masa, dan jika Pelanggan gagal berbuat demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

Pelanggan bersetuju untuk tidak menulis cek dalam cara yang boleh membenarkan cek tersebut untuk diubah atau memudahkan frod, dan untuk mengambil langkah berjaga-jaga seperti, dan tidak terhad kepada:
- menggunakan hanya dakwat yang tidak boleh dipadamkan (bukan pen mata bulat, pensil, mesin taip elektronik atau mana-mana instrumen lain yang boleh dipadamkan);
- tidak meninggalkan cek-cek yang telah ditandatangani atau belum ditandatangani tanpa jagaan;
- tidak menandatangani cek-cek kosong; dan
- memusnahkan cek-cek rosak dengan sepenuhnya;
- Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tiada liabiliti ditanggung oleh Bank.

e. Pelanggan bersetuju untuk:
- tidak menulis apa-apa notasi di atas cek, dan jika apa-apa notasi adalah tertulis, Bank mempunyai hak untuk mengabaikan notasi tersebut tanpa apa-apa tanggungjawab kepada Pelanggan; dan
- tidak membuat apa-apa perubahan atas cek, dan Bank mempunyai hak untuk tidak menunaikan dan mengembalikan cek tersebut jika Bank berpendapat bahawa terdapatnya perubahan, walaupun perubahan tersebut telah disahkan oleh tandatangan penandatangan yang diberikuasa.

f. Pelanggan bersetuju untuk tidak mengisukan cek di mana tiada dana yang mencukupi di dalam akaun. Caj-caj penalti untuk cek-cek yang dikembalikan disebabkan dana yang tidak mencukupi pada kadar yang dinyatakan pada masa kini di dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di www.hsbcamanah.com.my akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.

g. Pelanggan mengakui bahawa satu arahan memberhentikan pembayaran hanya boleh dilakukan jika cek tersebut belum lagi dipersembahkan untuk pembayaran, dan jika telah dilakukan, tidak boleh dibatalkan dan:
- perkataan "stop payment" akan disetemkan pada cek tersebut;
- pengemukaan semula cek tersebut tidak dibenarkan; dan
- fi pengendalian dan caj penalti (jika akaun tersebut mempunyai dana-dana yang tidak mencukupi untuk cek tersebut) akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.

h. Penyata akaun dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik ("Penyata-E") akan diisukan kepada Pelanggan pada dasar bulanan atau selang masa lain yang dibenarkan dan ditentukan oleh Bank. Penyata-E ini mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamay e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank atau menerusi Perbankan Internet Peribadi ("PIB") jika pelanggan merupakan pengguna berdaftar.

i. Pengeluaran melebihi had adalah tidak dibenarkan di bawah akaun. Dalam keadaan pengeluaran melebihi had yang tidak diberikuasa, Bank berhak untuk mendebitkan akaun atau mana-mana akaun lain Pelanggan dengan Bank untuk amaun yang melebihi had.

j. Bank merizabkan haknya untuk enggan membayar atas arahan pengeluaran atau penunaian cek (melalui pengisuan cek kepada pihak ketiga) dari akaun Pelanggan, kepada satu pihak ketiga samada telah diberikuasa atau dikatakan telah diberikuasa oleh Pelanggan di cawangan akaun.

k. Pelanggan bersetuju bahawa fi dan caj yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di www.hsbcamanah.com.my akan dikenakan.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

**Akaun-akaun**

1. Akaun-i Amanah Simpanan Buku-Simpanan
2. Akaun-i Amanah Penyata Simpanan
3. Akaun-i Amanah Simpanan Asas
4. Akaun-i Amanah Semasa dan Amanah Semasa Asas
5. Deposit Bertempoh-i

**Akaun-i Matawang Asing (FCY)**

6. Akaun-i Matawang Asing
7. FCY Deposit Bertempoh-i

# Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik (Mei 2019)

*untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi*

## 5. Deposit Bertempoh-i

*[Deposit Bertempoh-i: Layak dilindungi oleh PIDM*]*

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Komoditi Murabahah (perdagangan komoditi).

a. Satu deposit amaun minima dalam Ringgit atau matawang asing sepertimana yang akan ditentukan oleh Bank.

b. Tempoh masa perletakan adalah tertakluk kepada minima 1 bulan dan maksima 60 bulan. Perletakan melalui cek adalah bergantung kepada penunaian cek.

c. Pada perletakan, deposit mesti didebitkan dari akaun simpanan/semasa Pelanggan dan maklumat mengenai deposit akan dimasukkan ke dalam penyata akaun Pelanggan. Pelanggan bersetuju dengan Bank menggunakan mana-mana bahagian deposit yang diletakkan untuk tujuan pelaburan sebelum pelaksanaan Transaksi Komoditi Murabahah.

d. Transaksi Komoditi Murabahah
Pelanggan akan memasuki transaksi-transaksi belian dan jualan untuk komoditi yang mematuhi Syariah ("**Transaksi Komoditi Murabahah**") pada Hari Perdagangan berikutnya.

e. Pelanggan bersetuju bahawa Bank hanya akan bertindak sebagai agen Pelanggan untuk Transaksi Komoditi Murabahah tersebut, dan kontrak agen itu akan ditamatkan jika deposit ditarik balik.

f. Bank boleh melaksanakan peranan sebagai agen untuk lebih dari satu Pelanggan dan akan melaksanakan peranan bagi setiap Pelanggan secara bebas

g. Bank sebagai agen Pelanggan akan dengan suci hati, melakukan transaksi-transaksi untuk:

- membeli komoditi tersebut atas dasar tunai ("**Transaksi Belian**") dari Bursa Suq Al-Sila atau mana-mana pertukaran asset yang diluluskan; dan
- menjual komoditi tersebut atas dasar bayaran tertangguh kepada Bank ("**Transaksi Jualan**") pada Harga Jualan Murabahah (deposit ditambah keuntungan) di mana keuntungan dikira seperti berikut:
  Keuntungan = Deposit X Kadar X Jumlah hari / 365 atau 366 hari

h. Bank mungkin boleh menjual komoditi itu kepada mana-mana pihak ketiga selepas membeli komoditi dari Pelanggan dalam Transaksi Jualan.

i. "Hari Perdagangan" merujuk kepada sehari selain daripada Sabtu dan Ahad dan di mana Bursa Suq Al- Sila (atau mana-mana pertukaran asset yang digunakan Bank) terbuka untuk perdagangan.

j. Sebarang fi dan kos broker yang terlibat dalam Transaksi Pembelian akan dibayar oleh Bank.

k. Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa sifat yang mungkin ditanggung, dialami atau dibelanjakan oleh Bank akibat bertindak sebagai agen Pelanggan dalam Transaksi Komoditi Murabahah atau untuk apa-apa perlanggaran kewajipan Pelanggan kecuali dalam kes-kes di mana berlakunya salah laku, kecuaian atau kemungkiran terma-terma spesifik. Indemniti ini akan kekal berterusan walaupun agensi Bank telah diberhentikan.

l. Bank akan membayar kepada Pelanggan:

- Bagi deposit kurang daripada 12 bulan dan dan di bawah, deposit dan keuntungan pada tarikh matang deposit tersebut; dan
- Bagi deposit melebihi 12 bulan, deposit pada tarikh matang dan keuntungan pada selang masa setiap enam bulan sehingga tarikh matang dan jika tempoh terakhir untuk matang adalah kurang daripada 6 bulan, keuntungan adalah berdasarkan jumlah bulan sebenar yang tinggal sehingga ke tarikh matang.

Bank boleh pada budibicaranya, juga membayar keuntungan pada selang masa bulanan.

m. Pengeluaran deposit tersebut secara pramatang
Jika Pelanggan mengeluarkan deposit tersebut sebelum tarikh matang, Pelanggan bersetuju bahawa Bank adalah berhak kepada satu rebatyang bersamaan dengan:

- untuk deposit 3 bulan dan ke bawah: keuntungan dari Harga Jualan Murabahah tersebut; dan
- untuk deposit melebihi 3 bulan: separuh daripada keuntungan untuk bulan-bulan yang disempurnakan ditambah dengan keuntungan untuk bulan-bulan yang tidak disempurnakan.

Rebat tersebut akan ditolak daripada Harga Jualan Murabahah tersebut.

n. Bank pada budibicaranya membayar Harga Jualan Murabahah kepada Pelanggan pada tarikh sebelum tarikh matang deposit, yang mana keuntungan akan dibayar mengikut kadar bilangan hari deposit telah diletakkan. Sekiranya tarikh matang deposit bertempoh jatuh pada hari tidak bekerja, deposit dan keuntungan akan dikreditkan ke akaun Pelanggan pada hari bekerja yang berikutnya. Atas budi bicara, Bank boleh memberikan Hibah ke atas atas harga tambahan tersebut.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

# Kandungan

**Akaun-akaun**

1. Akaun-i Amanah Simpanan Buku-Simpanan
2. Akaun-i Amanah Penyata Simpanan
3. Akaun-i Amanah Simpanan Asas
4. Akaun-i Amanah Semasa dan Amanah Semasa Asas
5. Deposit Bertempoh-i

**Akaun-i Matawang Asing (FCY)**

6. Akaun-i Matawang Asing
7. FCY Deposit Bertempoh-i

# Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik (Mei 2019)

*untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi*

## 5. Deposit Bertempoh-i

o. Semua deposit akan diperbaharui secara otomatik untuk tempoh yang sama pada tarikh matang, melainkan arahan daripada Pelanggan secara bertulis atau melalui saluran-saluran yang disediakan oleh Bank telah diterima oleh Bank dari Pelanggan sebelumnya. Perenggan (c) sehingga (g) di atas juga terpakai untuk setiap pembaharuan. Pelanggan mempunyai hak untuk memberi dan/atau mengubah apa-apa arahan hingga pada tarikh matang.

p. Pelanggan bersetuju bahawa pada masa matang atau pengeluaran, deposit dan/atau keuntungan akan dikreditkan ke akaun yang sama dari mana deposit itu berasal.

## Akaun-i Matawang Asing (FCY)

## 6. Akaun-i Matawang Asing

*[Akaun-i Matawang Asing: Layak dilindungi oleh PIDM*]*

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman) dan Bai' al-Sarf (Pertukaran Matawang).

a. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberi kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan atau transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Dan Bank berjanji mengakujanji untuk memulangkan menghantar deposit kepada Pelanggan apabila diminta.atas permintaan. Apabila suatu mata wang/pertukaran berlaku dalam akaun, keputusan Bai' al-Sarf terpakai.

b. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan.

c. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit tersebut dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Hibah (ganjaran) yang telah diberikan pada masa lalu dan mana-mana Hibah (ganjaran) yang diberikan adalah mengikut budibicara Bank.

d. Pelanggan perlu membuka atau mempunyai satu akaun Ringgit dengan Bank/HSBC Bank untuk menukar:

- Ringgit kepada matawang asing yang diperlukan tersebut untuk dikreditkan ke dalam akaun tersebut (dimana apabila akaun Ringgit itu adalah dengan Bank, Bank adalah sebagai penjual dan Pelanggan adalah sebagai pembeli matawang asing tersebut); atau
- matawang asing kepada Ringgit (Bank adalah pembeli dan Pelanggan sebagai penjual matawang asing tersebut);

kerana deposit/pengeluaran tunai adalah tidak dibenarkan, dan maklumat berkaitan akaun ini akan dimasukkan ke dalam penyata akaun bagi akaun Ringgit tersebut.

e. Bagi pemindahan dana yang memerlukan pertukaran matawang asing daripada Matawang Asing A kepada Matawang Asing B, Bank adalah sebagai pembeli Matawang Asing A dan Pelanggan adalah penjual Matawang Asing A.

f. Kadar tukaran bagi mana-mana pertukaran matawang asing adalah berdasarkan kadar semasa pada waktu tersebut dan sebarang penyelesaian (kecuali bagi keadaan yang di luar kawalan Bank seperti yang dihuraikan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Generik, Klausa 29) akan dilakukan serta-merta.

g. Pelanggan mengakui bahawa operasi akaun tersebut adalah tertakluk kepada peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

h. Pelanggan bersetuju bahawa jika amaun yang didepositkan melebihi apa-apa had yang ditetapkan oleh peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing, Bank boleh mendebitkan akaun tersebut, menukar lebihan wang tersebut kepada Ringgit pada kadar pembelian semasa Bank yang ditetapkan dan mengkreditkan akaun Ringgit dengan Bank Pelanggan.

i. Pelanggan mengakui bahawa jumlah yang didepositkan tidak boleh diserahhak, dipindah milik atau digadaikan samada melalui pengindorsan atau selainnya kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu daripada Bank.

j. Bank boleh mengenakan fi dan caj pada budibicaranya seperti yang diperuntukkan di dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di www.hsbcamanah.com.my.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

**Akaun-akaun**

1. Akaun-i Amanah Simpanan Buku-Simpanan
2. Akaun-i Amanah Penyata Simpanan
3. Akaun-i Amanah Simpanan Asas
4. Akaun-i Amanah Semasa dan Amanah Semasa Asas
5. Deposit Bertempoh-i

**Akaun-i Matawang Asing (FCY)**

6. Akaun-i Matawang Asing
7. FCY Deposit Bertempoh-i

# Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik (Mei 2019)

*untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi*

## 7. FCY Deposit Bertempoh-i

*[FCY Deposit Bertempoh-i: Layak dilindungi oleh PIDM*]*

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Komoditi Murabahah (perdagangan komoditi).

a. Transaksi Komoditi Murabahah
Pelanggan akan memasuki transaksi-transaksi belian dan jualan untuk komoditi yang mematuhi Syariah ("Transaksi Komoditi Murabahah") untuk meletakkan deposit tersebut.

b. Pelanggan mesti membuka atau mempunyai:
- satu akaun Ringgit untuk menukar Ringgit tersebut ke matawang asing yang dikehendaki untuk meletakkan deposit tersebut; dan
- satu akaun simpanan/semasa dalam matawang asing yang sama untuk pengeluaran deposit tersebut; kerana deposit/pengeluaran tunai dalam matawang asing tidak dibenarkan, dan maklumat berkaitan akaun ini akan dimasukkan ke dalam penyata akaun bagi akaun Ringgit tersebut.

c. Pelanggan mengakui bahawa deposit matawang asing tersebut dalam matawang selain daripada USD, GBP dan EUR:
- Transaksi Pembelian tersebut akan dilakukan selepas penerimaan nilai matawang asing tersebut; dan
- arahan pelupusan bertulis perlu diterima oleh Bank 2 hari perbankan sebelum tarikh matang tersebut, jika tidak deposit tersebut akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada tarikh matang.

d. Pelanggan bersetuju bahawa:
- keuntungan akan dibayar pada masa deposit tersebut matang; dan
- deposit mungkin tidak boleh dikeluarkan sebelum tarikh matang tetapi jika telah dikecualikan dan dibenarkan, tiada keuntungan akan dibayar atas deposit tersebut dan Pelanggan tersebut bersetuju bahawa Bank berhak kepada satu rebat yang bersamaan dengan:
  - untuk deposit 3 bulan dan ke bawah: keuntungan dari Harga Jualan Murabahal tersebut; dan
  - untuk deposit melebihi 3 bulan: separuh daripada keuntungan untuk bulan-bulan yang disempurnakan ditambah dengan keuntungan untuk bulan-bulan yang tidak disempurnakan.
- tempoh masa perletakan adalah terhad kepada 1, 3, 6, 9 atau 12 bulan sahaja; dan
- pada tarikh matang atau pengeluaran, deposit dan/atau keuntungan akan dikreditkan ke akaun simpanan/semasa mata wang asing yang sama dari mana deposit itu berasal

e. Pelanggan mengakui bahawa jumlah yang didepositkan tidak boleh diserahhak, dipindah milik atau digadai samada melalui pengindorsan atau selainnya kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu daripada Bank.

f. Terma-terma & syarat-syarat Deposit-i Terma dalam perenggan (a), (c) sehingga (i) dan (l) sehingga (m) juga terpakai.

* **Nota: Produk deposit adalah layak dilindungi oleh PIDM seperti yang dinyatakan di bawah. Had liputan maksimum adalah RM250,000 bagi setiap pendeposit setaip bank seperti yang ditetapkan di bawah garis panduan PIDM yang terdapat di www.pidm.gov.my.**



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Tajuk-tajuk Klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran kepada Klausa-Klausa

Kandungan

A. Penerimaan Perjanjian ini
B. Definisi
C. Penggunaan Kad Kredit-i
D. Pengesahan Penyata Bulanan
E. Pendahuluan Tunai
F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J. Penolakan
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan
L. Kesan-kesan Penamatan
M. Obligasi Pemegang Kad
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O. Perkhidmatan dan Notifikasi
P. Bukti Konklusif
Q. Modifikasi dan Perubahan
R. Penzahiran Data Peribadi
S. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T. Indemniti
U. Disklaimer
V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moment Privileges Moment Privileges
X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y. Program Pulangan Tunai ("Program")
Z. Pematuhan Cukai
AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AB. Umum
Lampiran 1

# Perjanjian Pemegang Kad (Mei 2019)

- Kad Kredit-i HSBC MPower
- Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum
- Kad Kredit-i HSBC Premier World Mastercard®

Sila luangkan masa untuk membaca Perjanjian Pemegang Kad ini sebelum menggunakan Kad Kredit-i anda kerana Perjanjian Pemegang Kad ini akan mengikat selepas menggunakan Kad Kredit-i anda.

Perjanjian Pemegang Kad ini juga boleh didapati di laman web HSBC Amanah Malaysia Berhad ("HSBC Amanah") di www.hsbcamanah.com.my.

PENTING! Anda perlu membaca Perjanjian Pemegang Kad yang dicetak di bawah sebelum menggunakan Kad Kredit-i anda yang diisukan oleh HSBC Amanah Malaysia Berhad (No. Syarikat: 807705-X). Dengan menggunakan Kad Kredit-i tersebut, anda mengesahkan bahawa anda telah membaca dan memahami dan menerima Terma-terma & Syarat-syarat yang dinyatakan di bawah dan akan terikat kepadanya.

Kad Kredit-i dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad berasaskan prinsip Syariah Ujrah, yang merujuk kepada pembayaran yuran sebagai pertimbangan untuk perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan seperti yang ditetapkan oleh Bank di bawah Perjanjian ini. Had Kredit bagi Kad Kredit-i diperuntukkan oleh Bank kepada Pemegang Kad berasaskan prinsip Syariah Qard (pinjaman) di mana hubungan antara Bank dan Pemegang Kad masing-masing adalah antara pemberi dan penerima pinjaman. Kad Kredit-i tertakluk kepada Terma dan Syarat ("Perjanjian"):

## A. Penerimaan Perjanjian Ini

1. Kad Kredit-i tersebut hanya boleh digunakan oleh pihak yang telah diisu dengan Kad Kredit-i tersebut ("Pemegang Kad"), kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan apa-apa penggunaan yang tidak diberikuasa akan ditanggung oleh Pemegang Kad. Pemegang Kad perlu menandatangani Kad Kredit-i tersebut selepas menerimanya. Pemegang Kad dianggap sebagai bersetuju untuk diikat oleh Perjanjian ini semasa memohon untuk Kad Kredit-i tersebut dan penggunaan Kad Kredit-i tersebut adalah tertakluk kepada Perjanjian ini. Jika Pemegang Kad tidak ingin diikat oleh Perjanjian ini, Pemegang Kad perlu mematuhi Klausa 16(a) di bawah.

## B. Definisi

2. Terma-terma yang digunakan dalam Perjanjian ini akan membawa definisi-definisi berikut:
   (i) "Fi Pengurusan Bulanan Sebenar" bermaksud fi pengurusan dikenakan oleh Bank, di mana Baki Semasa untuk Penyata Kad pada bulan yang sebelumnya tidak dijelaskan dengan sepenuhnya:
      (a) berkenaan dengan Transaksi Runcit, Fi Pengurusan Bulanan Sebenar adalah dikira pada dasar rehatan harian ke atas jumlah Transaksi Runcit yang diposkan kepada Akaun Kad untuk bulan tersebut dan mana-mana Transaksi Runcit yang terakru dari bulan-bulan sebelumnya dari Tarikh Pengeposan sehingga bayaran-bayaran dikreditkan ke dalam Akaun Kad dan selanjutnya ke atas baki jumlah yang dikurangkan dan pada kadar-kadar sewajarnya seperti berikut:
         (i) Peringkat-I: 15% setahun untuk Pemegang Kad yang menyelesaikan dengan segera Bayaran Minima Kena Dibayar seperti yang dinyatakan di Penyata Kad untuk 12 bulan yang berterusan;
         (ii) Peringkat-II: 17% setahun untuk Pemegang Kad yang menyelesaikan dengan segera Bayaran Minima Kena Dibayar seperti yang dinyatakan di Penyata Kad untuk 10 bulan atau lebih dalam satu kitaran 12-bulan;
         (iii) Peringkat-III: 18% setahun untuk Pemegang Kad yang tidak termasuk di bawah Peringkat-I dan Peringkat-II.
      (b) berkenaan dengan Pendahuluan Tunai, Fi Pengurusan Bulanan Sebenar akan dikenakan pada kadar tetap sebanyak 18% setahun ke atas jumlah Pendahuluan Tunai yang telah diambil, dikira daripada tarikh pengeluaran sehingga pembayaran penuh. Bank boleh, pada budibicara sepenuhnya, memberikan rebet seperti yang dinyatakan di Klausa 7(f); dan
      (c) berkenaan dengan Pindahan Baki dan Pelan Bayaran Ansuran, Fi Pengurusan Bulanan Sebenar adalah dikira berdasarkan kadar-kadar yang terpakai pada masa permohonan untuk Pindahan Baki atau Pelan Bayaran Ansuran masing-masing.
   (ii) "Fi Tahunan" bermaksud fi tahunan yang telah ditentukan sebelum ini yang kena dibayar oleh Pemegang Kad tersebut untuk setiap Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan.
   (iii) "Pindahan Baki" bermaksud kemudahan memindahkan jumlah terhutang dari kad kredit yang lain yang dipegang oleh Pemegang Kad dengan bank, institusi kewangan atau pengisu kad kredit lain kepada Kad Akaun, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Pindahan Baki yang relevan pada masa permohonan Pindahan Baki.
   (iv) "Bank" bermaksud HSBC Amanah Malaysia Berhad (No. Syarikat: 807705-X).
   (v) "Akaun Kad" bermaksud satu akaun yang dikekalkan oleh Bank yang bersamaan dengan Kad Kredit-i relevan tersebut yang diisukan.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan


A. Penerimaan Perjanjian ini
B. Definisi
C. Penggunaan Kad Kredit-i
D. Pengesahan Penyata Bulanan
E. Pendahuluan Tunai
F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J. Penolakan
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan
L. Kesan-kesan Penamatan
M. Obligasi Pemegang Kad
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O. Perkhidmatan dan Notifikasi
P. Bukti Konklusif
Q. Modifikasi dan Perubahan
R. Penzahiran Data Peribadi
S. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T. Indemniti
U. Disklaimer
V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moment Privileges Moment Privileges
X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y. Program Pulangan Tunai ("Program")
Z. Pematuhan Cukai
AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AB. Umum
Lampiran 1


# Perjanjian Pemegang Kad (Mei 2019)

## B. Definisi (bersambung)

(vi) "Penyata Kad" bermaksud penyata bulanan yang diisukan oleh Bank untuk Kad Akaun tersebut.

(vii) "Transaksi Kad" bermaksud Transaksi Runcit dan semua Pemindahan Baki, Pendahuluan Tunai, Pelan Pembayaran Ansuran dan pelan kad kredit lain yang diberikan dan dikuatkuasakan oleh penggunaan Kad Kredit-i atau sebarang kaedah penggunaan lain Kad Kredit-i seperti yang ditentukan oleh Bank dari masa ke masa.

(viii) "Pemegang Kad" bermaksud pihak yang diisukan Kad Kredit-i tersebut, yang mana termasuk Pemegang Kad Tambahan.

(ix) "Pendahuluan Tunai" bermaksud kemudahan mengeluarkan tunai dari Akaun Kad-i tertakluk kepada terma-terma Perjanjian ini.

(x) "Kad Kredit-i" bermaksud Kad Kredit-i HSBC MPower/Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum/Kad Kredit-i HSBC Premier World MasterCard® yang diisukan oleh HSBC Amanah Malaysia Berhad (No. Syarikat 807705-X), termasuk kedua-dua kad kredit-i utama dan tambahan.

(xi) "Had Kredit" bermaksud had kredit yang ditetapkan oleh Bank kepada satu Kad Kredit-i.

(xii) "Baki Semasa" bermaksud amaun Had Kredit yang digunakan oleh Pemegang Kad pada Tarikh Penyata.

(xiii) "Tarikh Kena Bayar" bermaksud tarikh, seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kad, yang mana bayaran bulanan adalah kena dibayar.

(xvi) "Fi Pengendalian Bulanan Tetap" bermaksud fi pengendalian bulanan yang dikenakan oleh bank untuk mengendalikan Akaun Kad tersebut, yang ditentukan berdasarkan Had Kad yang ditetapkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah Bank.

(xv) "Tempoh Bebas Bayaran" bermakna suatu tempoh sekurang-kurangnya 20 hari dari Tarikh Pengeposan Transaksi Runcit ke atas Akaun Kad tersebut, tertakluk bahawa tiada baki dibawa ke hadapan dalam Akaun Kad Pemegang Kad.

(xvi) "Pelan Bayaran Ansuran" bermaksud pelan kredit yang ditawarkan oleh Bank yang membenarkan Pemegang Kad kemudahan untuk membayar Transaksi Runcit yang tertentu pada dasar ansuran, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Pelan Bayaran Ansuran Bank.

(xvii) "Caj Bayaran Lewat" bermaksud caj yang dikira pada 1% daripada baki tertunggak bagi Transaksi Kredit tertakluk kepada caj minima RM10, yang mana tinggi dan caj sehingga maksima RM100.

(xviii) "Bayaran Bulanan Minimum" bermaksud bayaran bulanan minima yang dibayar pada Tarikh Kena Bayar, yang mana adalah bersamaan dengan:

(a) 5% daripada Baki Semasa dan mana-mana jumlah bayaran minima yang belum dibayar yang dinyatakan di dalam Penyata Kad bulan sebelumnya atau RM50, yang mana lebih tinggi; atau

(b) Jika Baki Semasa tersebut melebihi Had Kredit, 5% dari Baki Semasa dan jumlah yang berlebihan daripada Had Kredit dan bayaran minimum yang belum dibayar yang dinyatakan di dalam Penyata Kad bulan sebelumnya.

(xix) "Nombor Pengenalan Peribadi (PIN)" bermaksud kod nombor yang ditetapkan oleh Bank atau ditentukan oleh Pemegang Kad untuk membolehkan Pemegang Kad untuk memperoleh sesetengah perkhidmatan yang berkaitan dengan penggunaan Kad Kredit-i tersebut.

PIN untuk Kad Kredit-i tersebut akan diisukan dan dihantar kepada Pemegang Kad atas risiko Pemegang Kad sendiri. PIN tersebut adalah sulit dan tidak patut dizahirkan kepada mana-mana pihak di bawah apa keadaan jua atau dituliskan, jika gagal berbuat demikian apa-apa penggunaan yang tidak diberikuasa akan ditanggung oleh Pemegang Kad tertakluk kepada fasal 13 di bawah.

(xx) "Tarikh Pengeposan" bermakna tarikh pada bila Transaksi Kad yang terpakai didebitkan ke dalam Akaun Kad.

(xxi) "Kadar" bermakna kadar terpakai yang digunakan untuk mengira Fi Pengurusan Bulanan Sebenar.

(xxii) "Transaksi Runcit" bermaksud kesemua pembelian barang-barang atau perkhidmatan yang dicajkan kepada Kad Kredit-i tersebut, tidak termasuk kesemua Pendahuluan Tunai, Pindahan Baki, Pelan Bayaran Ansuran, pelan kredit lain, fi-fi dan caj-caj.

(xxiii) "Tarikh Penyata" bermaksud tarikh Penyata Kad diisukan.

Terma maskulin dalam Perjanjian ini termasuk jantina feminin dan neuter dan sebaliknya dan bilangan tunggal meliputi bilangan jamak dan sebaliknya.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan


A. Penerimaan Perjanjian ini
B. Definisi
C. Penggunaan Kad Kredit-i
D. Pengesahan Penyata Bulanan
E. Pendahuluan Tunai
F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J. Penolakan
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan
L. Kesan-kesan Penamatan
M. Obligasi Pemegang Kad
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O. Perkhidmatan dan Notifikasi
P. Bukti Konklusif
Q. Modifikasi dan Perubahan
R. Penzahiran Data Peribadi
S. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T. Indemniti
U. Disklaimer
V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moment Privileges Moment Privileges
X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y. Program Pulangan Tunai ("Program")
Z. Pematuhan Cukai
AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AB. Umum
Lampiran 1


# Perjanjian Pemegang Kad (Mei 2019)

## C. Penggunaan Kad Kredit-i

3. Kad Kredit-i tersebut adalah hakmilik Bank dan mesti dikembalikan kepada Bank oleh Pemegang Kad atas permintaan Bank.

4. (a) Pemegang Kad kekal bertanggungjawab sepenuhnya kepada Bank untuk penggunaan Kad Kredit-i tersebut dan mestilah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menjaga Kad Kredit-i tersebut, jika gagal berbuat demikian apa-apa penggunaan Kad Kredit-i yang tidak diberikuasa akan ditanggung oleh Pemegang Kad tertakluk kepada Klausa 13 di bawah.

   (b) Pemegang Kad mesti memasukkan PIN apabila diminta untuk berbuat demikian bagi menyempurnakan Urus Niaga Kad, jika tidak urus niaga mungkin ditolak.

   (c) Untuk urus niaga luar negara, kemudahan PIN mungkin dikhususkan atau sebaliknya dan tandatangan mungkin diperlukan di terminal tempat jualan yang dikendalikan.

   (d) Untuk urus niaga tanpa sentuhan, tiada PIN atau tandatangan diperlukan bagi urus niaga runcit di bawah RM250 atau jumlah lain yang ditetapkan oleh Visa/Mastercard dan/atau Bank.

   (e) Untuk transaksi E-kad, yang merupakan transaksi kad kredit-i yang dilaksanakan menerusi E-dompet Pemegang Kad tertakluk kepada terma dan syarat dalam Lampiran I (Terma dan Syarat untuk E-dompet) dalam Perjanjian Pemegang Kad ini.

   (f) Jika Bank mengisukan satu kad tambahan ("Kad Kredit-i Tambahan tersebut") atas permintaan bersesama Pemegang Kad dan pemegang kad tambahan tersebut ("Pemegang Kad Tambahan"), kedua-dua Pemegang Kad utama dan Pemegang Kad Tambahan akan bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan kepada Bank untuk kegunaan Kad Kredit-i Tambahan tersebut.

   (g) Pemegang Kad Tambahan kini bersetuju untuk diikat oleh Perjanjian ini.

   (h) Pemegang Kad Kredit-i MPower boleh memilih untuk menggunakan Kad Kredit-i MPower untuk transaksi tempatan sahaja atau untuk transaksi tempatan dan luar negara.

5. (a) Kad Akaun tersebut akan mencerminkan kesemua Transaksi Kad, fi dan caj yang dilaksanakan atau dibelanjakan berkenaan dengan Kad Kredit-i yang sama.

   (b) (i) Pemegang Kad bersetuju untuk hanya menggunakan Kad Kredit-i tersebut seperti berikut:

   (1) Untuk tujuan-tujuan yang dibenarkan oleh Shariah dan hanya untuk pembelian barang-barang dan perkhidmatan yang halal atau diluluskan oleh Shariah. Keputusan Bank dan/atau Jawatankuasa Shariah tentang samada barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan tersebut adalah mematuhi Shariah adalah muktamad; dan

   (2) Tidak akan menggunakan Kad Kredit-i untuk atau berkenaan dengan apa-apa aktiviti atau tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuk dan tanpa had perjudian online)

   (ii) Kemungkiran Klausa 5(b)(i), boleh mengakibatkan Bank menolak bayaran-bayaran untuk transaksi yang terjejas tersebut dan memberhentikan Kad Kredit-i tersebut dengan serta merta, tanpa apa-apa liabiliti ke atas Bank.

   (iii) Meskipun Klausa 5(b)(ii), Pemegang Kad terus bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar kepada Bank jumlah yang terhutang untuk transaksi yang terjejas tersebut, jika ada, dan tidak akan menggunakan ini sebagai pembelaan untuk enggan membayar amaun yang kena dibayar kepada Bank.

   (c) (i) Pemegang Kad perlu mematuhi dengan ketat Had Kredit tersebut melainkan dengan kebenaran bertulis terdahulu daripada Bank. Jika peruntukan ini dimungkiri, Pemegang Kad perlu membayar kepada Bank dengan serta merta jumlah yang melebihi Had Kredit tersebut (samada dituntut secara formal atau tidak).

   Tiada yang terkandung di sini akan ditafsirkan untuk menjejaskan atau menghadkan liabiliti Pemegang Kad kepada Bank di bawah apa-apa peruntukan Perjanjian ini. Pemegang Kad akan dan akan terus bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan melalui kegunaan Kad Kredit-i tersebut, walaupun baki tertunggak agregat Akaun Kad tersebut melebihi Had Kredit.

   (ii) Jika Pemegang Kad tersebut mempunyai lebih daripada satu Akaun Kad yang berasingan, Had Kredit yang terpakai untuk setiap Kad Kredit-i tersebut akan dinyatakan di:

   (1) jaket kad (card jacket) atau surat aluan di mana Kad Kredit-i tersebut yang pada mulanya dihantar kepada Pemegang Kad; atau

   (2) penyata bulanan Kad Kredit-i tersebut, dengan jumlah Had Kredit untuk kesemua dan/atau Kad Kredit-i masing-masing yang dipegang oleh Pemegang Kad dan Pemegang(-pemegang) Kad Tambahan secara individu, jika ada.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan


A. Penerimaan Perjanjian ini
B. Definisi
C. Penggunaan Kad Kredit-i
D. Pengesahan Penyata Bulanan
E. Pendahuluan Tunai
F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J. Penolakan
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan
L. Kesan-kesan Penamatan
M. Obligasi Pemegang Kad
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O. Perkhidmatan dan Notifikasi
P. Bukti Konklusif
Q. Modifikasi dan Perubahan
R. Penzahiran Data Peribadi
S. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T. Indemniti
U. Disklaimer
V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moment Privileges Moment Privileges
X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y. Program Pulangan Tunai ("Program")
Z. Pematuhan Cukai
AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AB. Umum
Lampiran 1


# Perjanjian Pemegang Kad (Mei 2019)

## C. Penggunaan Kad Kredit-i (bersambung)

(c) (iii) Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank mempunyai budi bicara untuk menyekat, mengehadkan, meningkatkan atau mengurangkan Had Kredit Pemegang Kad atau menahan kredit atau memberhentikan penggunaan Kad Kredit-i tersebut, walaupun Akaun Kad adalah berbayar dan bukan dalam keadaan tertunggak. Bank boleh meningkatkan atau mengurangkan Had Kredit Pemegang Kad dengan memberikan notis tiga (3) hari perbankan, atau menyekat atau mengehadkan Had Kredit Pemegang Kad tersebut atau menahan kredit atau memberhentikan penggunaan Kad Kredit-i tersebut dengan memberikan notis sewajarnya kepada Pemegang Kad, melainkan untuk memenuhi keperluan badan/agensi kawal selia atau perintah mahkamah. Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank boleh menggunakan budi bicaranya untuk menamatkan penggunaan Kad Kredit-i jika Pemegang Kad tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan bagi Kad Kredit-i.

(d) Pemegang Kad selanjutnya bersetuju bahawa di mana Pemegang Kad menikmati kemudahan-kemudahan perbankan lain dengan Bank dan/atau HSBC Bank Malaysia Berhad ("HSBC Bank") dan jika kemudahan-kemudahan perbankan lain tersebut dan/atau kemudahan kad kredit ini tidak dikendalikan dengan cara yang memuaskan Bank dan/atau HSBC Bank, Bank dan HSBC Bank berhak untuk mengurangkan had kredit Pemegang Kad tersebut selepas memberi notis tiga (3) hari perbankan, atau membataskan, menghadkan atau membatalkan penggunaan Kad Kredit tersebut, selepas memberi notis munasabah kepada Pemegang Kad tersebut kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh badan/agensi berperaturan.

26. (a) Pemegang Kad bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap apa-apa liabiliti untuk kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (guaman atau selainnya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam), yang mungkin ditanggung oleh Bank disebabkan oleh peruntukan di sini atau dalam pelaksanaan hak-haknya.

(b) Tertakluk kepada Klausa 15, Pemegang Kad akan atas tuntutan membayar kepada Bank semua kos guaman, caj dan perbelanjaan yang dibelanjakan oleh Bank di dalam melaksanakan atau cuba untuk melaksanakan Perjanjian ini atau dalam mendapatkan atau cuba untuk mendapatkan bayaran untuk semua atau mana-mana bahagian wang yang dihutang oleh Pemegang Kad.

(c) Indemniti ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan walaupun selepas penamatan Kad Kredit-i menurut Klausa 16 di atas.

## U. Disklaimer

27. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian, kecederaan atau kerosakan yang mungkin timbul dalam apa cara jua termasuk kerugian berbangkit dan kerugian ekonomi yang ditanggung oleh Pemegang Kad, disebabkan oleh:

(i) Transaksi Kad ditolak disebabkan oleh satu status "Card Referral", "Card Block" atau "Card Declined" yang diletakkan ke atas Kad Kredit-i oleh Bank, sebagai langkah keselamatan;

(ii) Kecacatan mekanikal atau ketidak-fungsian ATM Bank atau Sistem Kumpulan HSBC/VISA/Plus dan Rangkaian ATM Mastercard/Cirrus;

(iii) Kegagalan Kad Kredit-i tersebut;

(iv) Penggunaan mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan berkenaan dengan Kad Kredit-i tersebut;

(v) Kegagalan apa-apa perlaksanaan, kesilapan, peninggalan, gangguan, kecacatan, kelambatan dalam operasi atau penghantaran, virus komputer atau talian atau kegagalan sistem berkenaan dengan penggunaan Perkhidmatan ini, walaupun Bank, pegawai-pegawainya, orang-orang gajinya, pekerja-pekerjanya, wakil-wakilnya dan/atau agen-agennya adalah dimaklumkan mengenai kemungkinan kerugian, kehilangan atau perbelanjaan;

(vi) oleh apa-apa keadaan di luar kawalan Bank atau oleh mogok atau pertelingkahan buruh lain.

28. Jika terdapat pertelingkahan mengenai transaksi-transaksi yang dilakukan dengan Kad Kredit-i tersebut, Bank mempunyai budibicara untuk menentukan samada untuk melakukan pembayaran balik sementara dan/atau pembayaran balik kredit tiruan kepada Pemegang Kad sementara menunggu penyiasatan selanjutnya oleh Bank dengan pedagang, bank penerima dan/atau mana-mana pihak yang relevan. Di mana pedagang-pedagang, bank-bank yang menerima dan/atau pihak-pihak yang relevan boleh membuktikan dengan bukti yang mencukupi bahawa transaksi(-transaksi) yang dipertikaikan telah dilakukan dengan sejati dan/atau diambil bahagian oleh Pemegang Kad, Bank mempunyai hak untuk membatalkan kredit sementara tersebut yang telah diposkan.

## V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan

29. Terma-terma dalam Fasal ini hendaklah berterusan digunapakai walaupun selepas Bank menghentikan pemberian mana-mana Kad Kredit, akaun, produk dan/atau perkhidmatan kepada Pemegang Kad.

(i) Pemegang Kad mengakui bahawa memegang akaun dan menggunakan Kad Kredit, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan bidangkuasa berkaitan yang lain, dan kepada pihak berkuasa penyeliaan Bank Negara Malaysia dan Pihak-pihak Berkuasa berkaitan yang lain di Malaysia dan bidangkuasa berkaitan lain.

(ii) Bank dan ahli Kumpulan HSBC adalah dikehendaki, dan boleh mengambil apa-apa tindakan untuk mematuhi Pematuhan Obligasi berkenaan dengan atau berkaitan dengan pengesanan, penyiasatan dan pencegahan Jenayah Kewangan (Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan). Tindakan tersebut mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (1) menapis, memintas dan menyiasat apa-apa arahan, komunikasi, permintaan pengeluaran, permohonan untuk mana-mana akaun, produk



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

A. Penerimaan Perjanjian ini
B. Definisi
C. Penggunaan Kad Kredit-i
D. Pengesahan Penyata Bulanan
E. Pendahuluan Tunai
F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J. Penolakan
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan
L. Kesan-kesan Penamatan
M. Obligasi Pemegang Kad
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O. Perkhidmatan dan Notifikasi
P. Bukti Konklusif
Q. Modifikasi dan Perubahan
R. Penzahiran Data Peribadi
S. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T. Indemniti
U. Disklaimer
V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moment Privileges Moment Privileges
X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y. Program Pulangan Tunai (“Program”)
Z. Pematuhan Cukai
AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AB. Umum
Lampiran 1

# Perjanjian Pemegang Kad (Mei 2019)

## V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan (bersambung)

dan/atau perkhidmatan, atau apa-apa pembayaran yang dihantar kepada atau oleh Pemegang Kad, atau bagi pihak Pemegang Kad, (2) menyiasat sumber atau penerima dana yang dicadangkan (3) menggabungkan Maklumat Pemegang Kad dengan maklumat berkaitan yang lain yang dimiliki oleh Kumpulan HSBC, dan/atau (4) membuat pertanyaan lanjut mengenai status seseorang atau sesebuah entiti, sama ada mereka tertakluk kepada suatu rejim sekatan, atau mengesahkan identiti dan status Pemegang Kad.

(iii) Istimewanya/Luar biasanya, Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan tersebut boleh menyebabkan Bank melambatkan, menyekat atau enggan membuat atau menyelesaikan apa-apa pembayaran, pemprosesan arahan Pemegang Kad atau permohonan untuk mana-mana Kad Kredit, akaun, produk dan/atau perkhidmatan atau pemberian semua atau sebahagian dari mana-mana Kad Kredit, akaun, produk dan/atau perkhidmatan. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, baik Bank mahupun mana-mana ahli Kumpulan HSBC tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad atau mana-mana pihak ketiga untuk apa-apa kerugian (walaubagaimana sekalipun ia timbul) yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad atau pihak ketiga, menyebabkan secara keseluruhan atau sebahagian yang berkaitan dengan akujanji oleh Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan tersebut.

(iv) Dalam keadaan tertentu, Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan tersebut boleh menghalang atau menyebabkan kelengahan dalam pemprosesan maklumat tertentu. Oleh itu, baik Bank mahupun mana-mana ahli Kumpulan HSBC tidak memberi jaminan bahawa apa-apa maklumat dalam system Bank berkenaan dengan apa-apa mesej pembayaran atau maklumat dan komunikasi lain yang menjadi subjek kepada apa-apa tindakan yang diambil menurut Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan tersebut adalah tepat, semasa atau terkini pada masa ianya diakses, ketika tindakan sedemikian diambil.

(v) Jika Bank atau ahli Kumpulan HSBC mempunyai syak berkenaan Jenayah Kewangan atau risiko yang berkaitan, Bank boleh:

(a) tidak boleh menyediakan yang baru, atau terus menyediakan semua atau sebahagian, Kad Kredit, akaun, ptoduk dan/atau perkhidmatan kepada Pemegang Kad dan berhak untuk menamatkan hubungan perbankan dengan Pemegang Kad;

(b) mengambil tindakan yang perlu untuk Bank atau ahli Kumpulan HSBC untuk mematuhi Pematuhan Obligasi; dan/atau

(c) menyekat, memindah atau menutup akaun(-akaun) Pemegang Kad, tertakluk kepada mana-mana sekatan di bawah Undang-undang tempatan.

## W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moment Privileges

30. Senarai hak istimewa Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moments yang dikaitkan dengan Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum/Kad Kredit-i HSBC Premier World Mastercard, termasuk Perkhidmatan Concierge, yang diterbitkan di dalam risalah-risalah atau penerbitan-penerbitan Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum Credit Card-i/Kad Kredit-i HSBC Premier World Mastercard Bank, telah diperuntukkan oleh Visa International dan Mastercard International melalui organisasi-organisasi pihak ketiga dan/atau perkhidmatan yang diperuntukkan untuk manfaat Pemegang Kad Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum/ Kad Kredit-i HSBC Premier World Mastercard. Hak istimewa Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moments, termasuk Perkhidmatan Concierge adalah tertakluk kepada perubahan dan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moments yang dinyatakan di dalam risalah-risalah Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum Credit/Kad Kredit-i HSBC Premier World Mastercard (yang mana sesalinan telah dibekalkan kepada Pemegang Kad Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum/Kad Kredit-i HSBC Premier World Mastercard pada masa Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum/Kad Kredit-i HSBC Premier World Mastercard diisu dan selepas itu adalah sedia ada di atas permintaan). Bank menafikan semua waranti yang diberikan oleh organisasi-organisasi pihak ketiga tersebut dan/atau pembekalpembekal perkhidmatan, kedua-dua tersurat dan tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana waranti tersirat tentang keperdagangan dan waranti kelayakan untuk tujuan tertentu, untuk setiap produk dan perkhidmatan, atau program-program yang dirujuk di dalam mana-mana risalah-risalah Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum/Kad Kredit-i HSBC Premier World Mastercard dan mana-mana penerbitan Bank yang ditawarkan oleh Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moments, termasuk Perkhidmatan Concierge. Tambahan pula, Pemegang Kad Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum/Kad Kredit-i HSBC Premier World Mastercard mengakujanji untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap semua tuntutan, liabiliti, kerugian dan perbelanjaan (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam) yang dibelanjakan oleh Bank berkenaan dengan apa-apa tindakan atau peninggalan Bank, orang-orang gajinya atau agen-agennya (selain daripada yang diakibatkan oleh kecuaian terlampau mereka) dan dalam



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

# Perjanjian Pemegang Kad (Mei 2019)

## Kandungan


A. Penerimaan Perjanjian ini
B. Definisi
C. Penggunaan Kad Kredit-i
D. Pengesahan Penyata Bulanan
E. Pendahuluan Tunai
F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J. Penolakan
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan
L. Kesan-kesan Penamatan
M. Obligasi Pemegang Kad
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O. Perkhidmatan dan Notifikasi
P. Bukti Konklusif
Q. Modifikasi dan Perubahan
R. Penzahiran Data Peribadi
S. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T. Indemniti
U. Disklaimer
V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moment Privileges Moment Privileges
X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y. Program Pulangan Tunai ("Program")
Z. Pematuhan Cukai
AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AB. Umum
Lampiran 1


## W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moment Privileges (bersambung)

apa jua keadaan, pihak ketiga, termasuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Bank berkenaan dengan hak istimewa Visa Exclusvice Privileges/Mastercard Moments, termasuk Perkhidmatan Concierge.

## X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)

31. (a) Pemegang Kad memberikuasa kepada Bank untuk bergantung kepada dan bertindak menurut apa-apa notis, arahan tuntutan atau komunikasi lain yang boleh diberikan melalui transaksi Pos, telefon, atau media elektronik (iaitu komunikasi online) termasuk tetapi tidak terhad kepada arahan yang diterima melalui aplikasi perbankan mudah alih) teleks, atau faksimili oleh Pemegang Kad atau bagi pihaknya ("Arahan") dan Bank adalah berhak untuk menganggap Arahan tersebut sebagai diberikuasa sepenuhnya oleh Pemegang Kad dan Bank adalah berhak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dengan bergantung kepada Arahan tersebut sepertimana yang difikirkan sesuai oleh Bank.

    (b) Bank di bawah terma pemberian kuasa ini tidak mempunyai kewajipan untuk menerima dan bertindak ke atas Arahan berikut:
    - penukaran dalam mandat
    - penukaran dalam penandatangan yang diberikuasan
    - Surat Kuasa Wakil kepada pihak/entiti lain
    - penutupan akaun (-akaun) dan pemindahan baki yang masih ada melalui apa-apa cara jua

32. Tertakluk kepada Klausa 8 dan Klausa 28, apa-apa permintaan melalui pos, atau media elektronik (komunikasi online) termasuk tetapi tidak terhad kepada, perbankan dan bayaran bil di internet, yang dibuat oleh Pemegang Kad kepada seorang pedagang atau kepada pembekal mana-mana perkhidmatan untuk pembekalan barang-barang dan/atau perkhidmatan yang akan dikenakan kepada Akaun Kad adalah merupakan kuasa yang diberikan:

    (i) kepada pedagang atau pembekal perkhidmatan tersebut untuk mengisukan draf jualan untuk jumlah yang akan dikenakan; dan

    (ii) kepada Bank untuk mendebitkan Akaun Kad dengan jumlah tersebut yang dikenakan.

    Bank akan mengambil kesemua langkah yang munasabah untuk mengenalpasti identiti pihak atau pihak-pihak yang memberikan arahan tersebut.

## Y. Program Pulangan Tunai ("Program")

33. (a) **Bank boleh dari semasa ke semasa dan dalam budibicara mutlaknya, memberikan Pemegang Kad pulangan tunai untuk penggunaan Kad Kredit-i berikut mengikut terma-terma dan syarat-syarat program Kad Kredit-i yang tersedia di www.hsbcamanah.com.my:**

    **Kad Kredit-i HSBC Premier World Mastercard/Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum/ Kad Kredit-i HSBC MPower.**

## Z. Pematuhan Cukai

34. Terma-terma & Syarat-syarat Generik ("GTC") Hendaklah Terpakai

    (i) Fasal 14 GTC pada "Pematuhan Cukai" diperbadankan dalam Perjanjian Pemegang Kad, di mana semua rujukan kepada "Pelanggan" hendaklah dibaca sebagai "Pemegang Kad" dan segala rujukan mengenai "produk" hendaklah termasuk "Kad Kredit-i".

    (ii) Fasal 14 GTC hendaklah dibaca bersama dengan Fasal 42 GTC pada "Definisi-definisi".

    (iii) Fasal 14 GTC dan Fasal 42 boleh dipinda dari semasa ke semasa mengikut Fasal 7 GTC pada "Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat" dan versi yang mengatasi akan terpakai kepada Perjanjian Pemegang Kad.

## AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan

35. Terma-terma & Syarat-syarat Generik ("GTC") Hendaklah Terpakai

    (i) Fasal 33 GTC pada "Konflik dan Peraturan Kedahuluan" diperbadankan dalam Perjanjian Pemegang Kad.

    (ii) Fasal 33 GTC hendaklah dibaca bersama dengan Fasal 42 GTC pada "Definisi-definisi".

    (iii) Fasal 33 GTC dan Fasal 42 boleh dipinda dari semasa ke semasa mengikut Fasal 7 GTC pada "Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat" dan versi yang mengatasi akan terpakai kepada Perjanjian Pemegang Kad.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

# Kandungan


A. Penerimaan Perjanjian ini
B. Definisi
C. Penggunaan Kad Kredit-i
D. Pengesahan Penyata Bulanan
E. Pendahuluan Tunai
F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J. Penolakan
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan
L. Kesan-kesan Penamatan
M. Obligasi Pemegang Kad
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O. Perkhidmatan dan Notifikasi
P. Bukti Konklusif
Q. Modifikasi dan Perubahan
R. Penzahiran Data Peribadi
S. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T. Indemniti
U. Disklaimer
V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moment Privileges Moment Privileges
X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y. Program Pulangan Tunai ("Program")
Z. Pematuhan Cukai
AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AB. Umum
Lampiran 1


# Perjanjian Pemegang Kad (Mei 2019)

## AB. Umum

36. Perjanjian ini adalah ditadbir oleh dan ditafsir menurut prinsip Syariah, undang-undang Malaysia dan arahanbadan-badan/agensi-agensi penguatkuasa yang terpakai.

    Mana-mana terma atau syarat dalam Perjanjian ini yang tidak boleh dikuatkuasakan tidak akan menjejaskanterma-terma yang lain.

## Lampiran 1

**Terma dan Syarat E-dompet HSBC Amanah Malaysia Berhad ("HSBC Amanah")**

Terma dan syarat berikut diguna pakai apabila anda menambah Kad Kredit-i HSBC Amnah ("Kad") anda kepada E-dompet dalam Peranti Layak anda. E-dompet merujuk kepada sebarang perkhidmatan yang membolehkan Kad anda digunakan dalam format elektronik tanpa mengemukakan Kad fizikal yang termasuk tetapi tidak terhad kepada Samsung Pay.

PENTING! Sebelum anda mendaftar, menambah, mengaktifkan dan menggunakan E-kad dalam E-dompet, sila baca Terma dan Syarat ini dan Perjanjian Pemegang Kad Kredit-i HSBC Amanah ("Perjanjian Pemegang Kad") dengan teliti. Dengan mendaftar, menambah, mengaktifkan dan menggunakan E-kad anda dalam E-dompet, anda dianggap telah menerima Terma dan Syarat dan Perjanjian Pemegang Kad dan akan terikat kepadanya. Istilah yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini, melainkan ditakrifkan pada bahagian lain, telah ditakrifkan pada akhir dokumen.

1. Terma dan Syarat sebagi tambahan kepada Perjanjian Pemegang Kad
   (a) Perjanjian Pemegang Kad berkuat kuasa ke atas Kad anda. Rujukan dalam Perjanjian Pemegang Kad kepada "Kad" adalah termasuk E-kad Anda.
   (b) Terma dan Syarat ini adalah sebagai tambahan kepada Perjanjian Pemegang Kad, dan secara bersama, mengawal E-kad anda. Jika terdapat ketidakseragaman antara peruntukan Terma dan Syarat ini dan peruntukan Perjanjian Pemegang Kad berhubung dengan penggunaan E-kad anda, peruntukan Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
   (c) Anda mungkin perlu mempersetujui terma berasingan dengan Penyedia E-dompet, yang berhubung dengan pendaftaran dan simpanan Kad anda dalam E-dompet dan penggunaan E-dompet (termasuk penggunaan sebarang data yang anda berikan kepada Penyedia Mudah Alih). Terma berasingan tersebut yang anda persetujui dengan Penyedia E-dompet tidak akan menukar atau mengatasi Terma dan Syarat ini dan Perjanjian Pemegang Kad.
2. Mendaftar, menambah dan mengaktifkan E-kad
   (a) Anda layak untuk menambah versi digital Kad (iaitu E-kad) dalam E-dompet anda jika kedudukan akaun Kad anda utuh menurut keperluan dan piawaian HSBC Amanah.
   (b) Sebelum menambah E-kad dalam E-dompet, Kad fizikal mestilah diaktifkan.
   (c) Anda boleh menambah E-kad dalam E-dompet dengan mengikuti arahan Penyedia E-dompet (termasuk pemasangan sistem operasi terkini bagi Peranti Sah anda) dan pendaftaran dan aliran penentusahan E-dompet anda. Anda memperakui bahawa Penyedia E-dompet berhak untuk menolak penambahan E-kad atau menggantung, mengeluarkan atau mengaktifkan semula E-kad dalam E-dompet anda. Kami tidak dipertanggungjawabkan jika anda tidak dapat menambah Kad pada E-dompet atas sebarang sebab.
   (d) Dengan mendaftar E-kad dalam E-dompet, anda mengizinkan kami menghantar kepada anda pesanan SMS untuk tujuan penentusahan dan pengaktifan berasaskan nombor mudah alih anda dalam rekod pendaftaran kami. Untuk pendaftaran Kad Tambahan, pesanan SMS akan dihantar kepada nombor mudah alih Pemegang Kad Tambahan dalam rekod pendaftaran kami. Jika kami tidak mempunyai rekod nombor mudah alih anda, kami tidak dapat menghantar pesanan SMS kepada anda. Dalam keadaan sedemikian, anda perlu menghubungi kami melalui nombor yang dipaparkan dalam skrin penentusahan dan mengikuti langkah-langkah untuk menentusahkan dan mengaktifkan E-kad.
   (e) Penyedia E-dompet mungkin mengehadkan bilangan E-kad yang anda boleh tambah dalam satu E-dompet dari masa ke masa Kami mungkin mengehadkan bilangan Peranti Layak di mana E-kad sama boleh ditambah dari masa ke masa dan anda seharusnya merujuk kepada komunikasi terbaru kami berhubung dengan had tersebut.
   (f) Satu (1) E-kad hanya boleh ditambah kepada satu (1) Dompet Mudah Alilh dalam satu (1) peranti. Penambahan E-kad yang sama kepada E-dompet yang sama dalam peranti berbeza tidak dibenarkan.
   (g) Anda bersetuju dan memperakui bahawa anda bertanggungjawab mengeluarkan dan menyahaktifkan E-kad anda dalam E-dompet sebelum menghantar Peranti Layak untuk diservis, atau jika Peranti Layak anda tidak lagi anda gunakan, hilang, dicuri atau terjejas, atau anda tidak lagi menjadi Pemilik Peranti.
3. Penggunaan E-kad
   (a) Anda boleh membuat dan mengesahkan transaksi dengan E-kad sekiranya E-dompet diterima untuk pembayaran. Kami tidak bertanggungjawab jika mana-mana peruncit enggan menerima E-kad anda.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

# Perjanjian Pemegang Kad (Mei 2019)

## Kandungan


A. Penerimaan Perjanjian ini
B. Definisi
C. Penggunaan Kad Kredit-i
D. Pengesahan Penyata Bulanan
E. Pendahuluan Tunai
F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J. Penolakan
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan
L. Kesan-kesan Penamatan
M. Obligasi Pemegang Kad
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O. Perkhidmatan dan Notifikasi
P. Bukti Konklusif
Q. Modifikasi dan Perubahan
R. Penzahiran Data Peribadi
S. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T. Indemniti
U. Disklaimer
V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moment Privileges Moment Privileges
X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y. Program Pulangan Tunai ("Program")
Z. Pematuhan Cukai
AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AB. Umum
Lampiran 1


### Lampiran 1 (bersambung)

(b) Untuk membuat dan mengesahkan transaksi, buka aplikasi E-dompet anda dan sentuhkan Peranti Layak pada pembaca atau terminal tanpa sentuhan Visa payWave atau MasterCard ("pembaca tanpa sentuhan") dan sahkan identiti anda menerusi biometrik atau PIN E-dompet sebagai Pemegang Kad seperti yang ditentukan oleh Penyedia E-dompet.

(c) Anda tidak boleh menggunakan E-kad anda untuk pengeluaran tunai atau pendahuluan tunai menerusi kaunter. E-kad tidak boleh dihubungkan kepada akaun deposit bank.

(d) E-kad anda boleh digunakan untuk pembelian tidak melebihi RM250 bagi setiap transaksi atau sebarang jumlah lain yang mungkin kami nyatakan dari masa ke masa. Had bagi setiap transaksi berbeza dari satu negara ke negara lain.

(e) Untuk transaksi E-kad melebihi RM250, anda perlu memasukkan PIN Kad untuk mengesahkan transaksi.

(f) Semua transaksi E-kad dikendalikan dengan cara yang sama dengan transaksi kad tanpa sentuhan. Dengan itu, semua terma yang dikenakan ke atas transaksi kad tanpa sentuhan dalam Perjanjian Pemegang Kad hendaklah dikenakan ke atas transaksi E-kad.

4. Akaun Kad dan had kredit

(a) Kad fizikal anda dan versi digitalnya (iaitu E-kad) membentuk satu Kad yang sama dan berkongsi akaun Kad yang sama.

(b) Semua Transaksi E-kad akan dibil kepada Akaun Kad yang sama dan dipaparkan dalam penyata Kad sama seperti Kad fizikal anda. Tiada penyata Kad berasingan disediakan bagi Transaksi E-kad anda.

(c) Anda boleh menyemak maklumat berkaitan E-kad seperti sejarah transaksi menerusi E-dompet. Anda memperakui dan menerima bahawa sesetengah transaksi tersenarai mungkin transaksi pengesahan, yang bersifat sementara dan tertakluk kepada pembalikan (cth kebenaran nilai rendah untuk pengesahan dan prapengesahan di tempat seperti (tetapi tidak terhad kepada) stesen minyak dan hotel).

(d) Anda bersetuju dan memperakui bahawa sebarang maklumat berhubung dengan E-kad anda yang dipaparkan dalam E-dompet mungkin tidak mencerminkan atau menunjukkan transaksi yang masih belum diproses dan dikemas kini, dengan itu tidak harus dianggap sebagai muktamad. Hanya Transaksi E-kad yang dipaparkan dalam penyata Kad akan dianggap sebagai muktamad.

(e) Kad fizikal anda dan E-kad anda berkongsi had kredit yang sama seperti Akaun Kad. Tiada had kredit berasingan bagi E-kad anda.

5. Perakuan risiko dan tanggungjawab anda

(a) Anda memperakui dan menerima risiko menanggung sebarang kerugian yang mungkin timbul daripada dan berhubung dnegan transaksi tidak sah yang dibuat menggunakan E-kad anda. Anda bertanggungjawab mengambil langkah-langkah keselamatan seperti yang mungkin disyorkan oleh pihak kami atau Penyedia E-dompet dari masa ke masa, termasuk yang berikut:

i. mengambil langkah berjaga-jaga sewajarnya untuk menyimpan maklumat Kad dan maklumat keselamatan berkaitan E-kad, E-dompet dan Peranti Layak anda (termasuk Kod Pas Peranti, cap jari dan/atau sebarang pengenalan biometrik yang disimpan dalam Peranti Layak dan/atau mana-mana platform simpanan awan) dan untuk mencegah kehilangan, kecurian dan penggunaan secara menipu;

ii. melindungi E-kad, E-dompet dan Peranti Layak dan memastikan semua berada di dalam kawalan peribadi anda pada setiap masa;

iii. JANGAN benarkan orang lain menggunakan atau log masuk ke Peranti Layak dan E-dompet anda;

iv. JANGAN simpan cap jari atau pengenalan biometrik orang lain dalam Peranti Layak anda;

v. JANGAN pilih nombor yang mudah diteka sebagai Kod Pas Peranti (seperti Nombor Kad Pengenalan, tarikh lahir, nombor telefon, nombor dengan angka yang sama atau lain-lain yang boleh diteka atau dikenal pasti menerusi pemantauan intip) atau beritahu orang lain tentang Kod Pas Peranti atau menulis atau menyimpan Kod Pas Peranti berdekatan dengan Peranti Layak;

vi. JANGAN pasang atau lancarkan E-dompet dalam telefon pintar atau peranti lain dengan aplikasi cetak rompak, digodam, palsu atau tidak sah atau apabila penguncian perisian telah diatasi (seperti telefon pintar atau peranti yang "dipecah masuk" atau "dinyahsekat";

vii. menukar Pas Kod Peranti secara kerap dan menggunakan kod abjad angka untuk Kod Pas Peranti;

viii. jika anda sudah menetapkan akses kepada Peranti Layak anda menerusi Kod Pas Peranti atau cap jari atau pengenalan biometrik lain, semak semula penetapan ini dan pastikan bahawa anda menukar Kod Pas Peranti yang boleh diteka dengan mudah atau yang telah dikongsi dengan sesiapa dan membuang sebarang cap jari atau maklumat biometrik yang bukan milik anda sendiri;

ix. keluarkan E-kad anda daripada E-dompet sebelum melupuskan Peranti Layak, contohnya, menjual atau memberikan peranti tersebut kepada orang lain atau meminjamkan Peranti Layak anda buat sementara kepada orang lain, sebagai contoh, untuk diservis atau dibaiki;

x. memindahkan E-kad daripada E-dompet selepas penamatan Kad Kredit Mudah Alih seperti yang dinyatakan dalam Fasal 10.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

A. Penerimaan Perjanjian ini
B. Definisi
C. Penggunaan Kad Kredit-i
D. Pengesahan Penyata Bulanan
E. Pendahuluan Tunai
F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J. Penolakan
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan
L. Kesan-kesan Penamatan
M. Obligasi Pemegang Kad
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O. Perkhidmatan dan Notifikasi
P. Bukti Konklusif
Q. Modifikasi dan Perubahan
R. Penzahiran Data Peribadi
S. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T. Indemniti
U. Disklaimer
V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moment Privileges Moment Privileges
X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y. Program Pulangan Tunai ("Program")
Z. Pematuhan Cukai
AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AB. Umum
Lampiran 1

# Perjanjian Pemegang Kad (Mei 2019)

## Lampiran 1 (bersambung)

(b) Anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang pendedahan Butiran Kad, Kod Pas Peranti atau maklumat keselamatan lain berkaitan Peranti Layak, E-dompet dan E-kad anda kepada mana-mana pihak lain, walaupun jika pendedahan tersebut adalah tidak disengajakan atau tanpa izin. Anda perlu menanggung segala risiko dan kesan daripada E-dompet dan E-kad digunakan oleh orang yang tidak dibenarkan untuk tujuan yang tidak sah.

(c) Anda perlu menggunakan Peranti Layak dengan jenis atau model yang ditetapkan oleh pihak kami dari masa ke masa untuk mendaftar, menambah dan menggunakan E-kad dalam Peranti Mudah Alih anda. Kami berhak untuk mengubah jenis atau model atau menarik balik jenis atau model Peranti Layak sedia ada dengan memberikan notis 3 hari terlebih dahulu.

(d) Anda memerlukan sambungan Internet, peralatan telekomunikasi serasi dan pelan perkhidmatan telefon mudah alih (jika berkenaan) untuk mendaftar, menambah dan menggunakan E-kad dalam E-dompet anda. Anda bertanggungjawab terhadap sebarang jumlah yang mungkin dikenakan oleh syarikat telekomunikasi mudah alih dan/atau penyedia perkhidmatan Internet dan anda bersetuju untuk bertanggungjawab sepenuhnya terhadap yuran dan caj tersebut.

6. Kerugian, kecurian atau salah guna

Laporkan segera

(a) Anda perlu memberitahu kami serta-merta dan meminta kami menyahaktifkan Kad anda dengan menelefon Talian Perkhidmatan Pelanggan di 1300-88-1388 (untuk Kad Kredit-i HSBC Amanah Malaysia) atau 1300-88-9393 (untuk Kad Kredit-i HSBC AmanahPremier) jika anda mendapati atau mengesyaki sebarang kehilangan, kecurian, pegangan, kawalan atau penggunaan tidak sah E-kad atau Peranti Layak anda, atau jika anda percaya ada orang lain telah menggunakan Kad Mudah Alih atau Peranti Layak, atau mendapati maklumat keselamatan Peranti Layak, E-dompet atau E-kad atau jika keselamatan Kad, E-kad, E-dompet atau Peranti Layak anda telah terjejas dalam apa jua cara.

Jika anda melaporkan kehilangan, kecurian, pendedahan atau penggunaan tidak sah E-kad atau Peranti Layak anda menurut Fasal 6, anda tidak bertanggungjawab terhadap transaksi E-kad yang dipertikaikan melainkan anda terbukti telah:

i. melakukan penipuan;
ii. berlengah untuk memberitahu Bank secepat mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tidak sah E-kad;
iii. membiarkan E-kad tanpa dijaga, di tempat yang boleh dilihat dan mudah dicapai oleh orang lain, kecuali di tempat kediaman anda. Bagaimanapun, anda diminta untuk melindungi E-kad anda walaupun di tempat kediaman anda sendiri; atau
iv. secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan E-kad anda.

7. Had liabiliti kami

(a) Anda memperakui dan menerima bahawa E-dompet anda disediakan oleh Penyedia E-dompet menerusi Peranti Layak yang serasi. Kami bukan penyedia perkhidmatan E-dompet anda, dan kami tidak bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan E-dompet kepada anda. Kami tiada kawalan terhadap platform E-dompet atau Peranti Layak anda. Dengan itu, kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan E-dompet atau kegagalan anda menggunakan E-dompet untuk sebarang transaksi. Kami juga tidak bertanggungjawab terhadap prestasi atau kegagalan Penyedia E-dompet atau mana-mana pihak ketiga yang mungkin menjejaskan penggunaan E-dompet anda. Kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mungkin anda alami atau tanggung berhubung penggunaan atau kegagalan menggunakan E-dompet (termasuk E-kad).

(b) Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar balik kepada anda bagi sebarang transaksi tidak sah di mana kami dapat membuktikan bahawa langkah keselamatan sewajarnya tidak dilaksanakan termasuk yang diperuntukkan dalam Fasal 5(a), Fasal 6(a), Fasal 10 di dalam ini atau yang diperuntukkan dalam Perjanjian Pemegang Kad.

8. Data Peribadi Anda

Dengan mendaftar, menambah dan menggunakan E-kad dalam E-dompet, anda bersetuju dan memperakui bahawa maklumat akaun Kad tertentu (berkaitan dengan penggunaan Kad menerusi E-dompet) mungkin dipindahkan kepada dan disimpan di dalam Peranti Layak dan/atau kad Sim, dengan penyedia E-dompet dan/atau sistem pihak ketiga yang berfungsi dengan Penyedia E-dompet, untuk tujuan E-dompet. Maklumat tersebut boleh digunakan oleh Penyedia E-dompet dan/atau pihak ketiga yang berkhidmat bersama Penyedia E-dompet. Kami tidak bertanggungjawab dan tiada kawalan ke atas privasi dan keselamatan data peribadi anda dan maklumat yang anda berikan kepada Penyedia E-dompet dan/atau pihak ketiga yang berkhidmat dengan Penyedia E-dompet yang ditadbir di bawah dasar privasi dan sebarang perjanjian yang anda ada dengan Penyedia Perkhidmatan E-dompet dan/atau pihak ketiga yang berkhidmat dengan Penyedia Perkhidmatan Mudah Alih. Anda bertanggungjawab untuk memahami dan menerima dasar privasi dan sebarang perjanjian yang anda ada dengan Penyedia E-dompet dan/atau pihak ketiga yang berkhidmat dengan Penyedia E-dompet sebelum anda mendaftar, menambah atau menggunakan E-kad dalam E-dompet anda.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

# Kandungan

A. Penerimaan Perjanjian ini
B. Definisi
C. Penggunaan Kad Kredit-i
D. Pengesahan Penyata Bulanan
E. Pendahuluan Tunai
F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J. Penolakan
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan
L. Kesan-kesan Penamatan
M. Obligasi Pemegang Kad
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O. Perkhidmatan dan Notifikasi
P. Bukti Konklusif
Q. Modifikasi dan Perubahan
R. Penzahiran Data Peribadi
S. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T. Indemniti
U. Disklaimer
V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moment Privileges Moment Privileges
X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y. Program Pulangan Tunai ("Program")
Z. Pematuhan Cukai
AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AB. Umum
Lampiran 1

# Perjanjian Pemegang Kad (Mei 2019)

## Lampiran 1 (bersambung)

9. Yuran dan caj
   (a) Semua fi dan caj berkenaan yang dikenakan ke atas Kad anda juga akan dikenakan ke atas E-kad.
   (b) Anda akan menanggung semua yuran, caj dan perbelanjaan yang dikenakan oleh mana-mana penyedia perkhidmatan telefon mudah alih, penyedia telekomunikasi, penyedia perkhidmatan Internet, peruncit atau Penyedia E-dompet atau berhubung dengan keputusan anda menambah, mengaktifkan atau menggunakan E-kad atau membuat transaksi menggunakan E-dompet dan E-kad.
10. Penamatan E-kad
   (a) Anda hendaklah mengikuti arahan Penyedia E-dompet untuk mengeluarkan E-kad anda daripada E-dompet sekiranya anda mahu menamatkan E-kad. Penamatan E-kad tidak akan menamatkan Kad Fizikal melainkan anda juga menamatkannya menurut Perjanjian Pemegang Kad.
   (b) Jika anda Pemegang Kad Utama, anda tidak boleh menamatkan E-kad Pemegang Kad Tambahan tanpa menamatkan Kad Tambahan fizikal.
   (c) Jika anda pemegang E-kad utama:
      i. penamatan Kad fizikal utama akan secara automatik menamatkan E-kad utama dan E-kad tambahan (jika ada);
      ii. penamatan E-kad utama tidak akan menamatkan secara automatik mana-mana E-kad tambahan.
   (d) Kami berhak untuk menggantung, membekukan atau menamatkan Kad anda di bawah Perjanjian Pemegang Kad. Hak ini akan turut merangkumi E-kad. E-kad anda akan digantung, dibekukan atau ditamatkan pada masa yang sama Kad fizikal anda digantung, dibekukan atau ditamatkan di bawah Perjanjian Pemegang Kad. Anda bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab terhadap anda atau mana-mana pihak ketiga bagi sebarang penggantungan, pembekuan atau penamatan penggunaan mana-mana Kad atau E-kad.
   (e) Kami juga berhak untuk menggantung, membekukan atau menamatkan penggunaan E-kad jika E-dompet anda telah digantung, dibekukan atua ditamatkan oleh Penyedia Perkhidmatan E-dompet atau jika anda telah membuat laporan kepada kami di bawah Fasal 6(a).
   (f) Selepas E-kad ditamatkan, sama ada oleh pihak anda atau kami, anda mesti mengeluarkan E-kad daripada E-dompet mengikut arahan yang diberikan oleh Penyedia E-dompet. Anda hendaklah menghubungi Penyedia E-dompet jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang cara mengeluarkan E-kad atau E-dompet daripada Peranti Layak.
   (g) Anda bertanggungjawab terhadap Transaksi E-kad tidak kira sama ada anda membenarkan transaksi tersebut atau tidak melainkan dan sehingga anda telah mengeluarkan E-kad daripada E-dompet dan Peranti Layak anda selepas penamatan.
   (h) Penamatan E-kad dengan sendirinya tidak akan mempengaruhi Kad fizikal yang akan terus tertakluk kepada Perjanjian Pemegang Kad.
11. Perubahan Terma dan Syarat

   Kami berhak untuk meminda Terma dan Syarat ini dari masa ke masa dengan memberi notis 21 hari terlebih dahulu. Anda terikat kepada perubahan ini melainkan E-kad anda ditamatkan oleh pihak anda dan dikeluarkan daripada E-dompet dan Peranti Layak menurut Fasal 10 sebelum tarikh di mana perubahan tersebut berkuat kuasa.
12. Undang-undang berkuat kuasa, bidang kuasa dan versi
   (a) Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan ditarifkan menurut undang-undang Malaysia.
   (b) Anda tertakluk kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia.
13. Hal ehwal am

   Jika anda mempunyai apa-apa soalan atau aduan tentang Kad anda, sila hubungi kami di 1-300-88-1388 (untuk Kad Kredit-i HSBC Amanah Malaysia) atau 1300- 88-9393 (untuk Kad Kredit-i HSBC Amanah Premier). Untuk soalan atau aduan mengenai E-dompet, sila hubungi Penyedia Perkhidmatan E-dompet menggunakan maklumat hubungan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan E-dompet.

**Definisi**

**Pemegang Kad Tambahan** bermaksud Pemegang Kad Tambahan yang dirujuk dalam Perjanjian Pemegang Kad.

**Akaun Kad** bermaksud Akaun Kad yang dirujuk dalam Perjanjian Pemegang Kad.

**Perjanjian Pemegang Kad** bermaksud Perjanjian Pemegang Kad Kredit-i HSBC yang menentukan penyediaan dan penggunaan Kad anda, seperti yang dipinda dari masa ke masa.

**Kod Pas Peranti** bermaksud kod pas untuk mengakses Peranti Layak anda.

**Peranti Layak** bermaksud model telefon pintar, tablet atau peranti lain (seperti jam tangan) dengan fungsi E-dompet di mana E-kad boleh didaftarkan dan ditambah, seperti yang kami tetapkan dari masa ke masa.

**E-kad** bermaksud versi digital Kad yang anda tambah ke dalam E-dompet dalam Peranti Layak anda.

**Transaksi E-kad** bermaksud sebarang transaksi kad yang dibuat menggunakan E-kad.



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)

Kandungan

A. Penerimaan Perjanjian ini
B. Definisi
C. Penggunaan Kad Kredit-i
D. Pengesahan Penyata Bulanan
E. Pendahuluan Tunai
F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J. Penolakan
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan
L. Kesan-kesan Penamatan
M. Obligasi Pemegang Kad
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O. Perkhidmatan dan Notifikasi
P. Bukti Konklusif
Q. Modifikasi dan Perubahan
R. Penzahiran Data Peribadi
S. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T. Indemniti
U. Disklaimer
V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moment Privileges Moment Privileges
X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y. Program Pulangan Tunai ("Program")
Z. Pematuhan Cukai
AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AB. Umum
Lampiran 1

# Perjanjian Pemegang Kad (Mei 2019)

## Lampiran 1 (bersambung)

**E-dompet** bermaksud aplikasi dompet yang disediakan oleh Penyedia E-dompet yang dipasang pada Peranti Mudah Alih di mana E-kad anda ditambahkan.

**Penyedia E-dompet** bermaksud penyedia E-dompet, yang kami tetapkan dari masa ke masa.

**Terma dan Syarat Ini** bermaksud terma dan syarat ini yang mungkin dipinda dari masa ke masa.

**Kami atau HSBC Amanah** bermaksud HSBC Amanah.

**Anda** bermaksud atau merujuk kepada pemegang kad utama dan/atau pemegang kad tambahan.

Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia Berhad (No. Syarikat 807705-X).



Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia (No. Syarikat 807705-X)